**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

28HB NOBEMBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

# KEWUJUDAN ISLAM DI-BRUNEI

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, telah berjaya meletakkan Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi Negara saperti yang telah termaktub di-dalam Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959, dan Baginda juga menghasratkan Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap lagi sempurna sa-bagaimana yang pernah di-titahkan Baginda Yang Dipertuan

Dalam menghayati perkembangan Ugama Islam di-Negeri Brunei ini, sejarah yang paling ketara ia-lah kesultanan Islam, ia-itu Islam di-kembangkan khas-nya oleh Sultan2, para alim ulama serta ahli2 Ugama Islam di-Brunei yang turun temurun menyambong dari satu usaha ka-satu usaha hingga-lah ka-zaman kita sekarang ini dan Insha' Allah, kapada keturunan kita pada masa yang akan datang.

Berkat usaha pengembang2 Ugama Islam di-Negeri kita ini, dan atas kebijaksanaan Kebawah DYMM sa-laku pemimpin-nya, Alhamdulillah, hasil-nya telah dapat kita sama2 nekmati dan lihat dengan jelas dalam berbagai2 aspek kehidupan kita di-Negeri Brunei sekarang ini. Mithal-nya, Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam telah di-tubohkan sa-bagai pusat perkembangan Ugama Islam; sekolah2 ugama telah di-dirikan sa-bagai tempat pusat2 pengajian Islam di-samping menyibarkan pengajaran Islam keseluroh sekolah2 di-negeri ini; pembenaan masjid2 atau surau2 bak chendawan tumboh di-musim hujan; menghantar penuntut2 ka-pengajian Islam yang lebeh tinggi di-seberang laut; menubohkan badan2 daawah dan berbagai2 lagi kegiatan Ugama Islam yang menarek jenerasi muda untok sama2 berkechimpong serta menghayati-nya.

Dengan izin Allah jua, proses pembangunan dan perkembangan Ugama Islam di-negeri ini khas-nya dan dunia Islam 'am-nya, akan berterusan dengan semangat dan juga azam umat Islam di-negeri ini yang lebeh besar sempena kedatangan Tahun Hijrah 1400 (Awal kurun hijrah ke-15) yang sudah pasti di-duga akan lebeh menchabar. Akan tetapi ada-lah di-harap umat Islam di-negeri ini akan sentiasa melipat gandakan usaha serta bertawakal kapada Allah, pada memenohi harapan yang lebeh baik dan berkebajikan.

## Lebeh Bertanggong-jawab

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan, dalam titah Baginda ketika melancharkan Sambutan Tahun Hijrah 1400 di-Pameran Perkembangan Islam di-Brunei, di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan, minggu lalu, menekankan supaya raayat dan penduduk di-negeri ini, khusus-nya yang berugama Islam, lebeh berhati2 dan lebeh bertanggong-jawab terutama terhadap keamanan, keselamatan serta kesejahteraan negara kita Brunei Darussalam yang sedang kita nekmati sekarang ini. Kerana kalau ketidak ada-nya keamanan, keselamatan dan kesejahteraan itu, ada-lah barang mustahil pembangunan negara, perkembangan Ugama Islam di-negeri ini akan dapat di-lakukan dengan sa-baik2-nya sa-bagaimana yang di-hasratkan itu.

Sempena kedatangan tahun hijrah 1400, yang sedang kita sambut sa-chara besar2an di-negeri kita ini, maka sudah-lah sampai masa-nya bagi umat dan masharakat Islam di-negeri ini lebeh bertanggong-jawab pada menjunjong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pada menghargai nilai2 atau chiri2 kewujudan Islam di-Brunei dan menjadikan-nya sa-bagai chara hidup yang lengkap lagi sempurna, positif dalam pemikiran untok membangun — tidak dengan kekolotan fikiran, anti kemajuan, anti pembangunan, jauh sekali untok menyertai golongan2 anti Islam!

Tidak keterlaluan jika kita tegaskan di-sini bahawa untok mengukohkan lagi hasrat Islam Ugama Rasmi Negara dan menjadikan-nya sa-bagai satu chara hidup yang lengkap lagi sempurna itu, amat-lah memerlukan kesunggohan tanggong-jawab pada memahami ajaran2 Islam sa-bagai yang tersurat di-dalam Al-Kor'an dan serentak dengan itu bersunggoh2 pula mengamalkan-nya. Mari-lah kita umat Islam di-negeri ini, sempena 1400 hijrah ini, melangkah dengan penoh yakin dan penoh harapan, semoga hasil usaha kita itu akan di-berkati Allah jua.

# PADA HEMAT SAYA....

# MAKAN GAJI

> "... dalam makan gaji ini banyak perangai dan kaolahan 'kan di-lihat. Tinggal lagi ingat2 saja tah bidang makan gaji ini peluang mendapat pahala sentiasa ada saperti juga peluang mendapat dosa."

BELUM pun kerusi di pejabat sempat panas, saya menerima tetamu yang tidak di-duga.

Biasa-nya pagi itu, satelah melihat2 urusan pejabat, saya akan mula menulis 'hemat' yang akan di-siarkan dalam ruangan ini. Dalam keadaan itu tentu-lah saya berkehendakkan suasana yang sesuai untok berfikir dan menulis.

Bagaimana pun, saya mempersilakan-nya dudok Dia melihat di-meja saya tersedia kepingan2 kertas. Mata-nya tertumpu kapada tulisan chakar ayam perkataan 'Pada Hemat Saya..." Dia senyum dan saperti faham lalu minta ma'af kerana kata-nya mungkin kedatangan-nya mengganggu. Saya chuma senyum.

"Begini ustaz," dia mula menyatakan hajat-nya sambil anak mata-nya berkisar2 sekitar ruang bilek pejabat. "Saya datang ini kerana Allah," sambong-nya dengan suara bersahaja.

Saya merenong-nya dengan tenang. Dari mula lagi saya chuba mengingat2 nama-nya walau pun saya pasti pernah melihat-nya sabelum ini.

"Apa yang kerana Allah, apa pula yang tidak kerana Allah?" Saya bersuara sambil ketawa. Mata-nya segera tertumpu ka-muka saya. Mungkin di-sangka-nya saya mempermain2kan kata2-nya sebentar tadi.

"Begini," kata-nya sambil membetulkan dudok-nya. Kedua belah tangan-nya berpegang pada meja. Terasa chermin penutop meja saya bergerak. Dia tidak sedar yang tepi chermin itu telah menjuir dari permukaan meja. "Saya datang ini ingin tahu maksud perkataan kerana Allah," suara-nya tegas.

Saya tidak menduga ia akan bertanyakan itu, sebab tadi dia menyebut kedatangan-nya pun kerana Allah. Tentu tadi saya menyangka dia mengatakan itu bagi menyatakan keikhlasan dan kejujoran-nya untok menyampaikan sa-suatu yang mustahak saya ketahui.

"Takaduhong ustaz di-sini jadi Ketua Pegawai Penerangan." Dia melepaskan kata2-nya sa-macham mengingatkan saya kapada tugas dalam jawatan saya. Ini menambah yakinkan saya bahawa dia datang itu untok menyampaikan sa-suatu yang mustahak bagi perhatian saya.

Saya senyum saja. Fikiran saya maseh meneruang mengingat2 kalau2 saya tahu nama-nya. Dia biasa saya lihat. Dan mungkin saya tahu di-mana ia bekerja. Saya biasa melihat-nya di-sekitar pejabat2 berdekatan.

"Mengapa kian?" Tanya saya sambil lewa.

"Kitani ani orang makan gaji, dapatkah di-katakan kerja kitani atau kerana Allah?" Kelihatan dia bersunggoh2 melepaskan kata2-nya itu.

"Oh! Atu maksud ta?" Sambil ketawa saya sa-benar-nya chuba menchari chara menerangkan yang sa-kira2 mudah di-fahami-nya.

Dia menganggok.

"Apa niat ta bekerja?" Saya menyoal-nya begtiu sa-telah saya kira chara yang sesuai ia-lah menarek perhatian-nya kapada suatu yang dekat dengan-nya, ia-itu diri-nya. Saperti tidak menduga saya akan menyoal-nya begitu, dia sa-akan2 tersergah. Saya senyum merenong muka-nya. Dahi-nya di-kerut-kan-nya saperti chuba menchari jawaban.

"Chari makan." Tiba2 jawab-nya rengkas sambil tersipu2.

"Hanya itu," Tanya saya lagi.

"Apa lagi kalau bukan kerana chari makan. Orang lain pun begitu." Suara-nya perlahan tapi dengan nada yakin.

"Yalah, betul kerana chari makan, saya pun makan gaji kerana mahu chari makan juga.' Kata2 saya itu saperti menolong menambah yakin-nya.

"Jadi, tak salah bukan?" Dia ketawa dan kelihatan sunggoh yakin yang dia telah memberi jawapan yang tepat.

"Soal-nya bukan soal salah atau betul, tapi kalau sa-takat itu dan sa-mata2 kerana itu tentu rugi," saya mengatakan itu sambil lewa untok chuba mengesan riaksi-nya terhadap kata2 saya itu. "Rugi-nya ia-lah kerana makan gaji sa-mata2 mahu chari makan." Sambong saya lagi untok tambah menchongkel kesan kata2 itu pada riaksi-nya.

"Rugi apa?"

"Tidak mendapat pahala!"

"Mengapa?"

"Sebab tidak ingatkan Allah, lalu kerana itu sukar untok ikhlas!"

Dia terpinga2. Mungkin kata2 saya itu perobokatif. Anak mata-nya kelihatan berkisar. Saya dapat mengesan dia belum dapat menangkap maksud kata2 saya itu.

"Macham mana Allah kan di-bawa2 dalam soal ini, yang terang-nya kita bekerja untok mendapat gaji atau alaon." Dia menghujjah.

"Betul untok mendapat gaji. Tapi gaji itu untok menyara hidup kita. Menyara hidup itu di-suroh oleh Allah. Jadi kita makan gaji itu ada-lah menyahut surohan Allah." Saya menerangkan saperti bersharah, chuma suara saya perlahan.

"Apabila kita menyahut surohan Allah, kita berharap mendapat pahala. Tapi dengan sharat: kita mesti-lah ikhlas."

"Ikhlas macham mana?" Dia minta penjelasan. Dan saya dapat mengesan dia sudah dekat kapada memahami maksud kata2 saya itu.

"Atu tah soal-nya." Jawab saya rengkas. Dia merenong tajam ka-muka saya saperti tidak sabar.

"Tapi biar-tah kita sendiri menchari jawapan mengenai ikhlas yang macham mana. Sebab dalam makan gaji ini banyak perangai dan ka-olahan 'kan di-lihat. Tinggal lagi ingat2 saja-tah bidang makan gaji ini peluang mendapat pahala sentiasa ada saperti juga peluang mendapat dosa." Saya saperti bersharah lagi.

Sekali lagi saya melihat-nya membetulkan dudok-nya. Dan saya, entah berapa kali pula telah membetulkan dudok saya.

Talipon di-meja saya berbunyi. Saya segera mengangkat-nya. Dia memandang jam tangan-nya sa-olah2 mahu minta diri. Saya mengisharatkan kapada-nya supaya menunggu.

Baru saya teringat salah saorang juru-gambar Penerangan akan menumpang kereta ka-muzium bagi mengikuti preview Peraduan Tulisan Jawi. Tapi kata sa-orang pemberita yang menalipon saya itu tak payah-lah mereka tumpang kereta sebab ada kereta lain yang boleh segera membawa mereka ka-sana.

Saya berasa lega juga, sebab sekurang2-nya saya ada sedikit masa sa-belum ka-muzium itu untok melayan tetamu tadi, sa-lepas itu boleh-lah kembali memulakan tulisan 'hemat' untok ruangan ini.

Dia menoleh ka-jam dinding dan kemudian merenong sekali lagi jam di-tangan-nya.

"Ma'afkan, jam di-dinding itu selalu lewat satu jam," saya bersuara "Kita berchakap2 ini baru berapa minit saja." Sambil saya melihat jam tangan saya.

"Tak apa-lah, saya minta diri. Saya ini pun tadi-nya dalam bekerja juga, kerana ingin tahu pandangan ustaz maka saya pun datang ka-mari dengan meninggalkan kerja saya." Balas-nya jujor.

Dia berdiri. Saya rasa belum memberikan-nya jawapan yang jelas mengenai sa-jauh mana makan gaji boleh di-katakan kerana Allah. Saya segera teringat, saya ada menyimpan Risalah Maulud Nabi yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak lama dahulu yang bertajok 'Berkhidmat Kerana Allah', lalu saya berpusing ka-belakang mengambil-nya.

"Ini barangkali dapat menjelaskan..." saya mengunjok risalah yang pernah saya susun sa-waktu di-Jabatan tersebut tempoh hari.

* * *

Begitu-lah. Tidak di-sengajakan 'hemat' kali ini dalam bentok cherita. Sa-waktu menulis-nya ini saya teringat kesebokan kita dalam musim sambutan Tahun Hijrah 1400 sekarang. Saya mendapati ramai kawan2 yang bertungkus lumus tidak mengira waktu. Apabila ada yang sempat sapa sambil menyebutkan betapa mereka telah bekerja begitu rajin, ada yang menjawab: "Tak apa-lah ustaz, ini kerja kerana Allah!"

Tidak-lah saya dapat menduga maksud mereka. Mungkin maksud-nya sukarela tanpa alaon lebeh masa atau sa-bagai-nya. Kalau itu, maka ini lagi satu chontoh salah pengertian tentang maksud kerana Allah itu. Kerana itu, sukachita-lah saya menyarankan mana2 yang menyimpan risalah 'Berkhidmat Kerana Allah' itu supaya meneliti-nya kembali. *—Ketua Pegawai Penerangan.*






**BEKERJA** makan gaji saperti dalam gambar atas boleh menepati artikata 'kerana Allah' sekira-nya di-fahamkan gaji yang di-dapat itu untok menyara hidup dan menyara hidup itu di-suroh oleh Allah. Lalu dengan itu kita makan gaji mesti-lah ikhlas untok mendapat pahala kerana menyahut surohan Allah.

Gambar kiri pula ia-lah risalah terbitan JHEU mengenai sa-jauh mana kita bekerja sa-lain untok mendapat gaji boleh juga untok mendapat pahala dan keredhaan dari Allah.

# H.H. opens Mohd Bolkiah Mosque

KG SERUSOP. — His Highness the Sultan officially opened the Mohammed Bolkiah Mosque at Kampong Serusop, the State's largest mosque after the Omar Ali Saifuddin Mosque in Bandar Seri Begawan, in the Brunei/Muara District last Friday morning.

At the ceremony, His Highness spoke, among other things, the importance being given to the development of Islam by the government. One of the examples was the number of houses of worship being built throughout the country.

The ceremony was attended by senior government officials including the Paduka Seri Begawan Sultan, the Perdana Wazir, after whom the Mosque was named, H.H. the Sultan's General Adviser, the Mentri Besar and the State Secretary.

The function commenced with a Quran reading by Awang Hj Yusof bin Abu Bakar and speeches by the Head of Religious Affairs, Pehin Dato Hj Mohd Zain and others.

The opening came at a specially important time for the Islamic world and shortly after Brunei embarked on a month-long celebrations to mark the beginning of Hijrah 1400.

The mosque was completed last year at a cost of three million dollars and can accommodate about fifteen hundred people.

Following the opening ceremony, His Highness joined in Friday prayers at the mosque.

At night, thanksgiving ceremonies and a religious forum were held to commemorate the occasion.



HIS Highness the Sultan, while previewing the exhibition on the development of Islam in Brunei, talks with the State Secretary.

# Brunei Celebrates New Moslem Year

BANDAR SERI BEGAWAN. — A month-long celebration to commemorate the new Moslem Year of Hijrah 1400 was held last Wednesday.

The celebration, the biggest ever held in Brunei, was launched by His Highness the Sultan in a ceremony at the Municipal Hall here.

He later opened an exhibition on the development of Islam in Brunei which is being held there.

In his speech, he hoped that the celebration and the exhibition would give a better understanding of the religion to the Brunei people, especially the Moslems.

He also expressed the hope that it would strengthen their belief in God and urged them to lead their lives according to the teachings of Islam.

Soon after the ceremony, His Highness and the state dignitaries were invited to preview the exhibition.

Among the VIPs present at the celebration were the British High Commissioner, the Paduka Seri Begawan Sultan, members of the royal family, the General Advisor to His Highness, the Mentri Besar and the State Secretary.

The exhibition is divided into eight sections and depicts the life of the people in Brunei since Islam first came to Brunei about 600 years ago.

The exhibition is open to public for a month.

The Hijrah marks the day 1400 years ago in the Moslem calendar or 622 Ad. when Prophet Mohammed moved from Mecca to Medinna to build an Islamic empire.

# General Advisor presents certs

BANDAR SERI BEGAWAN.—The General Advisor to H.H. the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, last Thursday morning presented certificates to 81 teachers at the Seri Begawan Religious Teachers' Training College here.

The teachers have just completed 3 years of training at the college.

The General Advisor was welcomed on arrival by the State Religious Affairs Officer and the Principal of the college.

The best student in the Course "A" was Dayang Zaleha bte Junid and Dayang Halimah bte Hj Menuddin, the best student in the Course "B".

The General Advisor was presented with a gift by the principal, Awang Abd Mokti bin Hj Daud.

Those present at the ceremony included heads of government departments and senior government officials.

# Brunei External Trade for the First Half of 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is a developing country and its trade with other countries has been increasing considerably at all times.

For more details on Brunei's external trade, the Statistics Section of State Secretariat last week issued a statement as follows:—

For the first half of 1979 Brunei had a surplus balance of trade of B$2,148 million compared with B$1,759 million for the same period last year. Imports were valued at B$437 million (B$301 million) while exports were valued at B$2,585 million (B$2,060 million).

The most important imports were machinery and transport equipments which were valued at B198 million (B$96 million); manufactured goods, B$92 million (B$86 million); food, B$52 million (B$47 million); miscellaneous manufactured articles, B$31 million (B$23 million) and chemicals, B$27 million (B$20 million).

The principal export was crude oil which was valued at B$1,707 million (B$1,279 million), followed by liquefied natural gas, B$732 million (B$675 million) and petroleum products, B$110 million (B$81 million). Besides these, natural rubber, pepper, sawn timber, and animal hides were also exported, but on a much smaller scale.

The main exporting countries to Brunei were Japan which exported a total of B$134 million (B$70 million); Singapore, B$83 million (B$65 million); The United States of America, B$65 million (B$51 million); United Kingdom, B$44 million (B$31 million) and West Malaysia, B$16 million (B$14 million).

The main importing countries of Brunei products were Japan which imported a total of B$1,790 million (B$1,548 million); The United States of America, B$233 million (B$183 million); Singapore, B$184 million (B$89 million) and Formosa, B$114 million (B$101 million).

Note: (The figures in brackets above refer to values of imports or exports for the same period in 1978. Details of goods imported or exported are available at the Economic Planning Unit at the normal charge).

# Last pilgrims arrive

BERAKAS. — The last group of more than 300 Brunei pilgrims returned home on Wednesday after performing the Haj.

Among those to welcome them at the International Airport were senior government officers and members of the Pilgrimage Advisory Committee.

The first batch of 400 pilgrims arrived here two weeks ago.

This year, over 700 pilgrims went to Mecca to perform the Haj.



PROFESSOR Paolo Koch, a professor of European Arts came to Brunei recently from China with the first pictorial records of the oldest existing tomb of a Brunei ruler.

It was discovered in May 1958 in the vicinity of Nangking in China. Professor Paolo will enlighten us further on the subject in Radioscope on Friday 30th at 12.00 noon, and in case you miss the first broadcast, the programme will be repeated on Tuesday 4th December at 8.30pm. Picture (above) shows Professor Koch with some of the photographs he took which is on display at the Town Hall where tha Exhibition on the History of Islamic development in Brunei is being held.

# Students return home

BERAKAS. — 19 Brunei students studying at the Al-Juned Arabic School in Singapore returned home on Nov 19 for a month-long vacation.

They are all on government scholarship.

Another group of 32 pupils returned home on Nov 18.

Meanwhile, two prominent members of the Singapore Lions Club arrived in Brunei for a day's visit.

They were the District Governor, Mr. H.K. Lau and the International Director, Mr Eng Ah Koon.

Before returning home on Wednesday, they exchanged views on the Club's activities with members of the capital's Lions Club.

# Fire ladder repaired

BANDAR SERI BEGAWAN. — A British specialist, Mr. William Hayes, last week helped carry out renovation work on one of the Fire Brigade's two turnable ladders.

He was assisted by the local mechanics at the Fire Brigade Training Centre in Jalan Muara.

The work involved taking apart the 100—foot ladder, changing parts and maintenance.

Later, efficiency tests were carried out and the maintenance has cost two hundred thousand dollars.

He is also training the local firemen in the use of the two machines.

# MENGUBAT PENYAKIT HATI

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

## PENYAKIT HATI

AL-IMAM Ibnu Hajar menyatakan dalam Az-Zawajir: “Ada pun dosa besar yang batin maka hendak-lah orang mukallaf mengetahui-nya supaya ia mengubati-nya. Kerana sa-siapa yang hati-nya berpenyakit maka tiada-lah dia akan berjumpa Allah pada hari akhirat dengan hati yang sejahtera.

“Sa-tengah dari penyakit hati itu ia-lah: kufur, nifak, sombong, bermegah2, membesar2 diri, hasad, dendam, sakit hati, mengachau dan zalim, marah dan panas hati yang bukan kerana Allah, bermuka2 menchari nama, churang, bakhil, menolak yang benar dan lain2.

“Sabda Rasulullah (Sullalahu 'alaihi wasallam):

إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Erti-nya: *“Dalam badan itu ada sa-ketul darah, apabila ia baik maka baik-lah segala badan, dan apabila ia rosak maka rosak-lah segala badan itu. Ingat-lah, itu-lah hati”.*

“Maka hati itu ibarat raja anggota, dan anggota itu ibarat tentera-nya. Maka apabila rosak kelakuan raja rosak-lah pula kelakuan semua bala tentera-nya. Dari itu barang-siapa yang di-kurniakan Allah hati yang selamat sejahtera dari penyakit hati yang tersebut di-atas, maka hendak-lah ia memuji Allah dan bershukor. Dan barangsiapa di-dapati dalam hati-nya suatu penyakit dari penyakit2 yang di-sebutkan itu maka wajib-lah mengubati-nya sa-hingga penyakit itu hilang. Jika ia tiada mengubati-nya neschaya dia berdosa. Tetapi ia berdosa dengan sebab penyakit2 itu hanya kira-nya ia niat dan maksudkan dengan hati-nya. Ada pun barang yang terlintas dalam hati-nya atau terlepas pada mulut-nya dan pada waham-nya tidak-lah mengapa”.

## ASAL PENYAKIT

Adapun asal penyakit hati itu ia-lah datang-nya dari jahat perangai dan rosak hati. Berkata lagi Al-Imam Ibnu Hajar: “Wajib-lah di-atas orang mukallaf dengan wajib 'aini mengawal hati-nya dari di-rosakkan oleh shaitan. Tiada-lah dia dapat mengawal hati-nya dari di-rosakkan oleh shaitan melainkan dia mengetahui chara2 shaitan merosakkan hati-nya. Dari itu wajib-lah dia mengetahui chara2 shaitan merosakkan hati-nya ia-itu mengetahui sifat diri-nya yang kebanyakan-nya ia-lah bersifat hasad dan tamak-haluba, marah dan mengikut nafsu, sukakan perhiasan dunia dan melampau2, berlebeh2 makan minum, gupoh-gapah dan tiada chermat dalam sesuatu perkara, bakhil dan takut papa, ta'assub pada ism dan mazhab, dendamkan lawan dan memandang lawan dengan pandangan rendah, mengajak dan membawa orang awam pada memikirkan perkara yang susah2 di-fahami oleh mereka — yang boleh membawa mereka shak akan dasar ugama Islam, dan jahat sangka pada orang Islam.

“Maka semua sifat2 itu ada-lah dosa besar, yang semua-nya kembali kapada jahat perangai. Meninggalkan jahat perangai itu bererti berperangai baik.

## Siri ke-8

Perangai baik itu kembali kapada sederhana kekuatan akal dalam memikirkan sa-suatu dengan chermat dan berhikmat; dan kembali juga kapada sifat sederhana kekuatan marah, sederhana kekuatan shahwat dan nafsu; dan kembali kedua-nya kapada sikap ta'atkan akal dan shara”.

“Dan sederhana itu boleh di-dapati dengan anugerah Allah; dan boleh di-dapati dengan ada-nya sifat sempurna pada diri; dan boleh juga di-dapat dengan di-usahakan sa-chara di-lateh, saperti membiasakan diri berzikir dan berdoa kapada Allah Ta'ala sa-hingga jinak hati-nya kapada Allah dan ingatkan Allah Ta'ala”.

## SIFAT ORANG MU'MIN

Adapun sifat orang2 mu'min yang kamil (sempurna) dan perangai orang2 mu'min itu ada di-sebutkan oleh Allah antara-nya:

(1) Firman Allah dalam ayat 2, 3 dan 4 Suratul Anfal:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ — الاية.

Tafsir-nya: *“Sesunggoh-nya bahawa orang2 mu'min yang sempurna itu ia-lah mereka apabila di-sebut siksa Allah maka takut dan gementar hati mereka. Dan apabila di-bachakan ayat2 Allah kapada mereka maka bertambah2 iman mereka dengan membenarkan-nya serta mereka bertawakkal kapada Allah Tuhan mereka. Mereka yang mendirikan sembahyang dan mereka yang membelanjakan sa-bahagian dari harta-nya pada jalan Allah saperti zakat dan sedekah. Mereka itu-lah sa-benar-nya orang2 mu'min Mereka mendapat pangkat (darjat) di-sisi Allah, Tuhan mereka, serta mendapat keampunan dan balasan rezeki yang baik kekal dalam shurga”* (Tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidhawi).

(2) Firman Allah dalam ayat 1 — 11 Suratul Mu'minun:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ — الاية.

Tafsir-nya: *“Sesunggoh-nya beruntong-lah orang2 mu'min yang mendapat apa2 yang di-chita2kan. Mereka ia-lah yang khushu' (tetap anggota dan tenang hati tiada berpaling ka-kanan ka-kiri) dalam sembahyang-nya. Mereka menghindarkan diri dari perkataan dan perbuatan yang sia2. Mereka membayar zakat harta mereka. Mereka memelihara kemaluan dari perkara haram melainkan terhadap isteri dan hamba sahaya mereka, ia-itu mereka tiada-lah di-chela pada mendatangi mereka itu. Maka barangsiapa menchari lain dari isteri dan hamba sahaya itu mereka itu-lah orang2 yang sangat2 melampaui batas larangan Allah. Mereka memelihara amanah2 yang di-amanahkan kapada mereka dan memelihara janji2 yang mereka perbuat dengan Allah dan dengan manusia. Mereka sentiasa memelihara sembahyang2 mereka dengan menunaikan-nya pada waktu2-nya. Maka orang2 mu'min yang bersifat dan berperangai dengan kelakuan2 yang tersebut mereka itu-lah sahaja — tiada orang lain akan mewarithi shurga firdaus dan mereka kekal di-dalam-nya.”*

(3) Firman Allah dalam ayat 112 Surah At-Taubah:

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ. — الاية.

Tafsir-nya: *“Orang2 mu'min itu ia-lah orang2 yang bertaubat dari kufur shirik dan kufur nifak; dan ikhlas semata2 beribadat menyembah Allah; dan yang sentiasa memuji Allah dalam segala keadaan — susah atau senang; dan yang berpuasa kerana melawan nafsu dan shahwat serta kerana membersehkan hati dan jiwa; dan yang ruku' dan sujud kerana mengerjakan sembahyang; dan yang mengajak kerana pada berbuat perkara ma'aruf yang di-suroh oleh Allah ia-itu beriman dan ta'at kapada Allah; dan yang menegah orang dari berbuat larangan2 Allah ia-itu dari membuat kufur dan dosa serta maksiat; dan yang memelihara batasan larangan Allah dengan membuat dan mengerjakan segala hukum2 dan perentah Allah. Maka itu-lah sifat orang2 mu'min dan beritahu-lah kapada mereka dan gembirakan-lah mereka bahawa mereka akan di-balas dengan balasan shurga.* (Tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidhawi).

(4) Firman Allah dalam ayat 63-77 Surah Al-Furqan:

وَعِبَادُ الرَّحْمَٰنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا — الاية.

Tafsir-nya: *“Sifat orang2 mu'min yang sempurna dunia dan akhirat ia-lah mereka berjalan di-muka bumi dengan tenang dan merendah diri. Dan mereka yang apabila di-sapa dan di-tegor oleh orang2 jahil dengan kata2 yang di-benchi mereka membalas dengan kata2 yang baik. Dan mereka yang di-malam hari sujud dan berjaga malam dengan sembahyang beribadat kapada Allah, Tuhan mereka. Dan mereka yang bermohon: ya Tuhan ku! Hindarkan dari kami azab neraka azab-nya itu ada-lah sentiasa chelaka dan jahat dan kerana neraka itu ada-lah sa-burok2 tempat bagi orang derhaka. Dan mereka yang apabila berbelanja sara hidup bagi keluarga-nya tiada boros dan tiada pula kedekut, dan ada-lah belanja mereka sederhana. Dan mereka yang tiada menyembah tuhan yang lain bersama2 Allah Ta'ala. Dan mereka yang tiada membunoh jiwa yang di-haramkan Allah melainkan dengan hak dan kebenaran Allah saperti hukum balas bunoh dan rejam ka-atas yang berzina muhsan. Dan mereka yang tiada berzina.”*

*“Barangsiapa yang melakukan salah satu dari tiga larangan itu maka ia akan menerima balasan siksa. Dan di-tambah siksa-nya di-akhirat kelak dan ia sentiasa kekal di-dalam dengan keadaan yang hina. Melainkan siapa yang bertaubat dan beriman serta beramal saleh. Maka mereka itu akan di-gantikan oleh Allah kejahatan serta kesalahan-nya dengan kebajikan di-akhirat. Kerana ada-lah Allah Ta'ala itu sentiasa mengampun dan maha pengasehani.”*

*“Dan barangsiapa bertaubat dan berhenti dari dosa2-nya daripada orang lain dari yang tersebut itu dan ia berbuat amal saleh maka sesunggoh-nya ia bertaubat kapada Allah. Maka Allah akan membalas-nya dengan balasan baik”.*

*“Dan mereka yang tiada menjadi saksi bohong dan batil. Dan mereka yang apabila lalu di-tempat orang2 berchakap sia2 dan yang lain2 yang burok maka mereka berlalu daripada-nya dengan tiada menyampok dan tiada menchampuri pada chakap2 yang burok dan pada perkara2 lain yang sia2 itu.”*

*“Dan mereka yang apabila di-ingat dan di-nasehatkan dengan ayat2 Al-Kor'an mereka tiada dudok dengan mendengar buta tuli bahkan mereka dudok dengan memandang dan mengambil iktibar dari ayat2 Allah, Tuhan mereka.”*

*“Dan mereka yang bermohon: Wahai Tuhan kami, mohon berikan kami senang hati dari hal ehwal isteri2 kami dan dari keturunan zuriat kami dengan ta'at setia mereka kapada Tuhan kami; dan mohon jadikan kami ikutan dan tauladan kapada orang2 yang takutkan Tuhan kami dalam perkara2 yang baik pada shara.”*

*“Orang2 mu'min yang saperti itu mereka itu-lah yang akan di-balas dengan tempat2 yang berpangkat2 tinggi dalam shurga di-sebabkan mereka sabar menanggong susah pada menyempurnakan dan membuat perkara2 yang tersebut itu. Dan mereka akan di-sambut dengan kata2 aluan dan salam daripada malaikat di-dalam tempat2 mereka di-shurga itu dengan kekal sa-lama2-nya mereka diam di-sana.* (Tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidhawi).

## RENGKASAN PERANGAI BAIK

Segala sifat yang di-sebutkan dalam ayat2 Al-Kor'an tadi ia-lah tanda baik perangai pada sa-seorang Islam. Semua-nya tiada menunjokkan perangai jahat. Dari itu sayugia-lah sa-seorang Islam itu mengukor diri-nya dengan sifat2 yang di-sebutkan dalam ayat2 tersebut bagi mengetahui kedudokan diri-nya samada baik atau jahat perangai-nya.

Dan Rasulullah (Sulallahu 'alaihi wasallam) telah menyatakan rengkasan perangai baik itu dalam sabda Baginda yang bermaksud bahawa orang mu'min itu sukakan bagi saudara-nya yang Islam apa yang ia sukakan bagi diri-nya. Dan Rasulullah menyuroh memuliakan tetamu dan dhaif, jiran tetangga. Dan menyuroh orang mu'min samada berkata baik atau pun dia diam. Sabda Baginda (maksud-nya): “Apabila kamu lihat orang mu'min itu pendiam dan tenang maka kamu datang rapat kapada-nya kerana dia dapat hikmat dan budi bichara yang baik. Dan tiada-lah halal bagi orang mu'min itu berisharat kapada saudara-nya yang Islam dengan pandangan yang menyakiti saudara-nya itu. Dan tiada-lah halal bagi orang muslim itu memeranjatkan saudara-nya yang muslim. Bahawa dua orang mu'min yang dudok bersama2 itu dengan keadaan kedua-nya memegang amanah Allah. Maka dari itu tiada-lah halal bagi mana2 salah sa-orang daripada-nya itu menaborkan perkara yang di-benchi oleh saudara-nya itu kapada orang lain”.

Demikian garis rengkas dalam perkara baik perangai yang di-ambil dari maksud sabda2 Rasulullah (Sullallahu 'alaihi wasallam) di-petik dari kitab Az-Zawajir.

*WALLAHU A'ALAM*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28hb Nobember, 1979 hingga ka-hari Selasa 4hb Disember, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 29hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 30hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 1hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 2hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 3hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 4hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# MEMPERBANYAKKAN AMAL KEBAJIKAN KETIKA MASEH HIDUP

SA-TIAP manusia akan menemui ajal-nya, tidak sa-orang juga yang dapat menahan kedatangan Malaikatulmaut untok menchabut roh manusia itu, jika sudah sampai pada waktu-nya. Dari dahulu hingga sekarang, bahkan sampai dunia kiamat, tidak ada siapa2 yang dapat memperlambat atau memperchepat kematian sa-seorang dari ajal-nya yang sudah di-tetapkan oleh Allah Ta'ala, saperti yang di-jelaskan dalam Al-Kor'an yang maksud-nya:

*"Tiap2 umat itu mempunyai waktu yang tertentu, maka apabila telah datang waktu-nya mereka tidak dapat mengundorkan-nya sa-sa'at pun dan tidak dapat pula mendahulukan-nya"* (Al-A'raf: 34).

Apa-kah sebenar-nya hakikat maut itu?

Maut ada-lah satu batas antara hidup di-dunia dengan hidup di-alam barzah (kubor) sa-belum alam akhirat. Dalam sabuah Hadith di-terangkan, bahawa di-tiap2 akhir dalam kehidupan manusia ketika sa-orang menderita sakit yang kemudian menyebabkan kematian-nya, datang-lah kapada-nya tiga perkara, yang masing2 menawarkan jasa2 baik yang akan di-berikan-nya. Yang pertama mengatakan bahawa sa-lama dalam keadaan sakit, ia akan menyediakan diri merawat dan mengubati-nya, mengusahakan ubat dan sabagai-nya. Yang mengatakan demikian ia-lah harta-nya.

Yang kedua mengatakan bahawa bukan sahaja ketika sakit dia akan berusaha merawat dan mengubati-nya, tetapi jika takdir menentukan akan meninggal dunia, dia turut memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan, menghantar jenazah, sampai ka-kubor, bahkan di-hantarkan-nya sampai ka-liang lahad. Kemudian, dia dan orang2 lain yang turut menghantar, balek ka-rumah. Yang mengatakan demikian itu ia-lah anak2-nya, menantu2-nya dan keluarga2 yang dekat.

Sementara yang ketiga mengatakan, bahawa salain dari turut merawat di-waktu sakit, memandikan, mengkafani, menyembahyangkan, menghantarkan ka-kubor sampai ka-dalam



liang lahad, ia akan tetap menyertai orang yang meninggal dunia itu hingga ka-hari kiamat kelak. Yang mengatakan demikian itu ia-lah amal ibadat-nya.

Dari keterangan hadith itu dapat-lah di-ambil satu kesimpolan bahawa satu2-nya yang dapat membela manusia sejak dari sakit dan menghantarkan-nya sampai ka-depan Allah s.w.t. ia-lah ibadat dan amal kebajikan yang di-lakukan-nya sa-lama dia hidup di-dunia ini hingga ka-hari kiamat kelak.

Hal itu di-jelaskan dalam satu hadith yang bermaksud: *"Apabila manusia meninggalkan dunia, maka putus-lah amalan-nya, melainkan dengan tiga perkara, ia-itu sedekah jariah atau ilmu yang memberikan munafa'at atau anak2 yang saleh yang mendo'akan-nya"*.

Yang di-maksudkan dengan sedekah jariah ia-lah amal kebajikan yang memberikan munafa'at dan faedah kapada orang ramai, saperti wakaf2 yang di-berikan ketika maseh hidup. Umpama-nya, wakaf untok masjid2, surau2, sekolah2, rumah sakit, yayasan yang mempunyai tujuan menegakkan Islam dan menolong orang2 tidak mampu untok melanjutkan pelajaran-nya bagi menchapai ilmu pengetahuan yang berkebajikan.

Kedua ia-lah ilmu yang memberikan munafa'at, samada ilmu ugama mahu pun ilmu lain-nya yang di-redhai Allah. Di-waktu maseh hidup, dia menyibarkan ilmu ugama, di-ikuti oleh murid2-nya, di-ajarkan oleh murid2-nya kapada orang lain dan begitu-lah sa-terus-nya menghasilkan buah yang tidak putus2-nya. Atau pun di-kala hidup-nya dia menulis buku2 yang berkenaan dengan buku2 ugama yang memberi munafa'at.

Ketiga-nya ia-lah anak yang saleh, yang ta'at kapada Allah, yang mendo'akan supaya orang tua-nya mendapat keampunan daripada Allah dan di-tempatkan di-shorga. Anak yang saleh lebeh baik menumpukan usaha dan perhatian-nya kapada keselamatan dan ketenangan arwah orang tua-nya.

Oleh itu, untok membangun satu jambatan yang tetap memperhubongkan sa-seorang yang telah meninggal dengan alam dunia ini, hendak-lah di-waktu dia maseh hidup memperbanyakkan amal2 kebajikan saperti wakaf, sedekah, mengembangkan ilmu2 ugama yang terus menerus menghasilkan buah dan mendidek anak2 menjadi orang yang saleh dan ta'at kapada Allah Ta'ala dan tahu bershukor.

Semoga kita semua hendak-nya di-korniai Allah Ta'ala dalam ketiga-tiga macham persiapan itu.

**Bingkisan minggu ini**

# MENGORAK LANGKAH DI-TAHUN BARU HIJRAH

DALAM menempoh gelombang hidup ini kita akan merasa suasana alam ini berubah-ubah dengan chepat-nya dari satu masa ka-satu masa tanpa kita sedari. Oleh sebab keligatan-nya itu, rupa2-nya kita telah pun berada di-kurun kelima-belas Hijrah.

Tahun Hijrah pandangan sejarah ada-lah mengandongi satu pertalian peristiwa yang sangat besar terhadap ka-bangkitan dan perluasan Ugama Islam. Perkataan Hijrah ada-lah mengambil sempena peristiwa perpindahan Rasulullah s.a.w. berserta dengan pengikut2-nya dari Kota Mekah ka-Kota Medinah yang di-kenali sabagai Yathrib ketika itu.

Di-awal penyebaran Islam di-Kota Mekah, Rasulullah s.a.w. dan pengikut2 nya telah di-tentang dengan hebat-nya, di-musohi serta di-dzalimi oleh orang2 Mushrik. Memandang kapada perkara2 ini, ternyata dalam pandangan Baginda Rasulullah bahawa penyebaran Ugama Islam di-Kota ini kurang mendapat sambutan dari orang ramai. Oleh itu di-buat-lah keputusan untok berpindah ka Medinah sa-mata-mata untok menghindarkan tentangan yang hebat dari golongan yang engkar terhadap surohan Allah.

Berhijrah-nya Baginda dan pengikut2-nya bukan kerana takut atau berasa gentar dalam perjuangan mereka, tetapi kerana memileh satu tapak yang lebeh baik buat penyebaran Ugama Islam. Dan hasil daripada keputusan berhijrah itu ternyata pada akhir-nya menampakkan kejayaan, di-mana sama2 kita ketahui bahawa dari situ-lah mula-nya Islam berkembang dengan pesat-nya menjelajah ka-pelusok Semenanjong Tanah Arab, bahkan lebeh jauh dari itu telah melangkahi semudera yang luas apabila perkembangan-nya telah sampai ka-benua2 Afrika, Eropah, India dan kerantau kita ini.

Demikian-lah serba rengkas di-cheritakan tentang permulaan Hijrah Rasulullah s.a.w. bersama-sama pengikut2-nya, yang mana dari peristiwa yang maha ajaib ini seluroh umat Islam telah sa-pakat menjadikan-nya sa-bagai permulaan perhitongan tarikh Islam.

Sa-bagai umat Islam, kenyataan tahun baru Hijrah ini sa-harus-nya di-jadikan sa-bagai satu tapak yang membangun semangat takwa kapada Allah dan semangat untok ta'at kapada ugama Islam. Ini ada-lah di-sebabkan kita menyedari, bahawa usia kita dari sa-masa ka-semasa ada-lah sa-makin bertambah dan mendekatkan lagi ka-hari-hari kematian. Oleh itu ada-lah wajar di-timbulkan dalam fikiran kita; apa-kah amal kebajikan yang di-redhai oleh Allah s.w.t. sudah chukup mengimbangi hari-hari yang telah kita lalui sa-bagai satu persediaan untok menyahut kembali seruan Ilahi?

Jika 14 abad yang silam permulaan tahun Hijrah telah di-jadikan sa-bagai permulaan langkah dalam menuju kemerchu kegemilangan Islam, maka sa'at ini mari-lah kita menjadikan tahun bersejarah ini sa-bagai tapak untok menghadapi berbagai-bagi chabaran yang senantiasa wujud di-sekeliling kita. Teristemewa chabaran2 yang menyentoh iman dan takwa kapada Allah s.w.t. serta Ugama Islam. Dan sama2-lah kita mengorak langkah untok membuat amal kebajikan yang mendapat keredhaan Allah sa-mata-mata untok menghindarkan diri daripada termasok ka-dalam golongan yang rugi dalam pandangan Allah s.w.t.

Firman Allah: *"Demi masa. Sa-sunggoh-nya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kechuali orang2 yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasehat-menasehati supaya mentaati kebenaran dan nasehat-menasehati supaya menatapi kesabaran"*



## Derma dari Majlis Ugama Islam

MAJLIS Ugama Islam Brunei telah mendermakan wang sa-jumlah $900.00 dari Tabong Zakat dan Fitrah kapada mangsa kebakaran rumah di-Jalan Dato Ibrahim di-ibu negeri baru2 ini. Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan Awg Hj Abdul Saman bin Kahar (gambar sa-belah, dua dari kiri) yang juga salah sa-orang ahli Majlis Ugama Islam Brunei kapada mangsa berkenaan Pg Md Yusof bin Pg Anak Hashim (kanan sa-kali) dan turut di-saksikan oleh Pemangku Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah, Pg Tuah bin Pg Mohammad (dua dari kanan) dan Awg Hj Kamaluddin bin Momin, Setia Usaha Baitul Mal Zakat dan Fitrah (kiri sa-kali) — Gambar ehsan JHEU.



# Siswazah Brunei

SISWAZAH Brunei minggu ini ia-lah Dayang Nora'alia bte Haji Abdul Rahim (kiri). Dayang Nora'alia yang sekarang bertugas sa-bagai Ahli Kaji Kuman di-Rumah Sakit Besar Bandar Seri Begawan lulus dari Universiti Bath United Kingdom dengan mendapat ijazah B.Sc. (Hons) dalam bidang Applied Biology.

Temuramah mengenai dengan kejayaan beliau akan di-siarkan pada 30hb Nobember jam 7.30 malam dan di-ulang siaran-nya pada hari Sabtu jam 1.00 petang.

AWANG Johari bin Abdul Hamid, a Statistician with the Economic Planning Unit will be featured in this week's edition of Brunei Graduates. Tune in for his story tomorrow at 12.45 p.m. and that will be repeated again on Sunday 2nd December at 8.00 p.m.





**KELIHATAN di-antara para artis yang menjayakan rakaman Sandiwara Minggu Ini dengan cherita 'Muawiyah Bin Abi Sufian' karya Awang Matussin Haji Mohd Tahir yang memenangi hadiah ketiga dalam peraduan menulis skerip drama radio dan TV sempena menyambut tahun hijrah 1400. Di-jadualkan siaran-nya melalui radio pada 2hb Disember, 1979, jam 12.00 tengah hari.**

# intisari RTB minggu ini

## Siri baru utk kanak2

THE Life and Times of Grizzly Adams satu lagi siri baru untok kanak2 di-mulakan pada hari Isnin ini jam 6.02 petang.

James "Grizzly" Adams ada-lah sa-orang penjerat binatang ia di-chari kerana satu jenayah yang tidak di-lakukan-nya. Untok mengelakkan diri-nya dari kemungkinan di-penjarakan, ia melarikan diri ka-hutan dan menjalani chara hidup yang baru.

Episod pertama dari siri ini berjodol "Howdy-Do, I'm Mad Jack". Mad Jack telah hilang tetapi keldai-nya munchol bersama buku peringatan harian-nya dalam beg pelana. Grizzly membacha kesah Jack ketika mereka bersama2 dahulu.





**AWANG Haji Abdul Saman bin Kahar talks about the dress designing contest for Muslims women organised by the Religious Affairs Department, Pertiwi and WI, in conjunction with the new muslim year of Hijrah 1400 on Women's World.**

**The programme can be heard on Sunday 2nd December at 12.00 noon.**

**Picture shows the producer, Charan Chand interviewing Awang Haji Abdul Saman at his office.**



**SALAH sa-orang penyanyi dari Kumpolan Hidayah yang akan menghiborkan Awda pada malam ini dalam ranchangan Lagu2 Daawah yang akan di-siarkan pada jam 7.10 malam.**

TAHUN 1980 ada-lah merupakan tahun2 perubahan dan perkembangan dalam bentok ranchangan2 radio. Perkembangan dari sa-tahun ka-sa-tahun di-mana ranchangan2 Radio munchol dengan pembaharuan2-nya untok santapan pendengar2-nya di-serata tempat.

Bermesra di-radio melalui ranchangan tertentu sudah tidak asing lagi bagi pegawai2 Radio kita ini. Namun di-luar studio mereka tetap bergaul mesra tidak kira apa bangsa yang ingin di-temui apatah lagi pada pendudok2 luar bandar di-negeri kita ini. Kemesraan ini jelas kelihatan di-dalam gambar ini dalam mana dua orang penerbit Ranchangan2 Radio ia-itu Awang Zaini Md Yusof dan Awang Abd Manap Adam sedang beramah mesra dengan salah sa-orang penghuni rumah panjang di-kampong Melilas, Ulu Belait, Awang Lajang Anak Sap baru2 ini.

Menurut penerbit-nya, ini ada-lah persiapan2 ranchangan bagi menjelang-nya tahun 1980.





**JULIA Foster memegang peranan sa-bagai Angel dan Michael Bryabt sa-bagai Boris J. Axelford dalam drama yang bertajok Mr Axelford's Angel yang akan di-tayangkan pada hari Ahad jam 9.30 malam.**

## "JIVARO" — tayangan gambar malam minggu

RIO sa-orang pemuda yang gagah dan kachak bekerja di-Pedrone Landing di-Sungai Amazon, berdekatan dengan negeri Jivaro Indian yang terkenal dengan kekejaman mereka memotong kepala manusia. Dengan keadaan sekeliling yang begitu asing sekali, munchol pula Alice Parker yang datang untok mengahwini tunang-nya Jerry Russell yang di-perchayai-nya sa-bagai tuanpunya ladang di-sini.

Apa-kah yang terjadi selanjut-nya? Bagaimana pula dengan perhubongan Alice dan tunang-nya? Jadi-kah mereka berkahwin? Bagaimana pula dengan hal Rio? Untok mendapat jawapan-nya, saksikan-lah tayangan-nya dengan pelakun2 Fernando Lamas, Rhonda Fleming dan lain2.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 28HB NOB.

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Lights of Zetar"
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 LAGU2 DAKWAH
7.25 AZAN ISHA
7.29 LAGU2 DAKWAH — sambongan
7.40 FLAMBARDS — Episod 13
Dick, dahulu-nya penjaga kuda kini pengurus ladang, mendapat sukar sekali untok bekerja di-bawah Mark. Apa-kah yang akan di-buat-nya ? Kamana-kah ia akan pergi ? Dan bagaimana pula dengan Tizzy, anak luar nikah Mark, yang menyayangi Christina saperti ibu-nya sendiri ? Bagaimana pula dengan masa depan-nya ? Untok mendapatkan jawapan2-nya saksikan-lah tayangan-nya dalam episod terakhir Flambards.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 CHERAMAH DAKWAH
9.25 ISLAM DI-BRUNEI
9.40 KONSENT RTB
10.30 DOCUMENTARY — "The Widest Beach In The World"
11.20 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.32 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 29HB NOB.

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 BIG BLUE MARBLE — sambongan
6.30 DOCTOR WHO
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 HIDAYAT
7.25 AZAN ISHA
7.29 HIDAYAT — sambongan
7.40 THE SACKETTS
8.30 WARTA BERITA
8.45 DOCUMENTARY : "The Traditional World of Islam" — Knowledge of the World
9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.27 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 30HB NOB.

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "Hiawatha"
Hiawatha, sa-orang anak Indian yang di-pelihara oleh nenek-nya, Nokomis, berkawan dengan binatang2 di-hutan dan belajar bahasa mereka.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 SAYANG ADEK-KU-SAYANG — sambongan
6.30 FAMOUS FIVE — "Five Go Down To The Sea" Bahagian 1.
Ketika berchuti dengan berbasikal di-Cornwall, kelima2 mereka ini mendengar bagaimana lanun2 di-masa lalu menyalakan api di-waktu2 malam yang di-landa ribut di-pantai Tremannon untok memusnahkan kapal2.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 NASHID HIJRAH
7.25 AZAN ISHA
7.29 NASHID HIJRAH
7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW
8.30 WARTA BERITA
8.45 CHERAMAH DAKWAH
9.05 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.50 HAWAII FIVE 'O' — "The Defector"
Yang menjadi issu kali ini ia-lah Chian Lee, sa-orang ahli fizik yang amat bijak, siapa yang telah belot dari sabuah negeri di-Asia dan menchari perlindongan di-Amerika Sharikat dan terpaksa membunoh sa-orang lelaki untok mempertahankan diri-nya sa-tiba di-Hawaii.
10.40 THRILLER — "The Scream You Hear"
11.50 PETIKAN DARI AL-KORAN
12.02 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 1HB DIS.

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "The Cheeky Squeakeys Declare War"
Kum Kum bemimpi bahawa sa-ekor belalang menchuri buah2 berry yang di-petik-nya. Ia terjaga dan mendapati Pyonkis sedang melompat2 di-keliling rumah menyebabkan kekotoran di-sekeliling rumah. Seluroh perkampongan di-serang oleh Pyonkis.



RON Leibman, kanan, sa-bagai Martin Kazinski, menyoal sa-orang mangsa kemalangan langgar-lari (Robin Gammell) untok membuat persediaan bagi membela pemandu-nya, dalam kesah "In No Way To Treat A Lady" dari siri "KAZ".

6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 CHERAMAH DAKWAH
7.26 AZAN ISHA
7.30 CHERAMAH DAKWAH — sambongan
7.40 TARGET — "Hunting Partners"
Apabila sa-orang penjabat yang bersara di-bunoh, pulis memulakan usaha untok menchari pembunoh2-nya. Begitu juga saudara kembar si-mati.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 KAZ — "No Way To Treat A Lady"
Kaz membela teman rapat Samuel Bennet, sa-orang wanita jelita yang menghadapi tudohan jenayah. Tatkala membela wanita ini, Kaz merasa hairan melihatkan chara hidup Miss Milliken yang serba mewah dan penoh misteri.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU : "Jivaro"
12.15 PETIKAN DARI AL-KORAN
12.27 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 2HB DIS.

**PETANG**

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 HANDFUL OF SONGS
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET — "The Hornet and the Firefly"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 MIXED BLESSINGS — "We're Only Trying To . . ."
7.26 AZAN ISHA
7.30 MIXED BLESSINGS
7.40 THE INCREDIBLE - HULK — "Mystery Man" Bahagian 2.
Satu kebakaran di-hutan menganchan Banner dan McGee ketika mereka chuba menyelamatkan diri mereka sa-lepas satu kemalangan kapal terbang.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MARI MENARI
9.30 MH. AXELFORD'S ANGEL
11.00 THE NEXT STEP BEYOND
11.30 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.42 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 3HB DIS.

**PETANG**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Howdy-Do, I'm Mad Jack"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 GRIZZLY ADAMS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 PERUBATAN
7.26 AZAN ISHA
7.30 PERUBATAN — sambongan
7.40 PETROCELLI — "Vengeance In White"
Petrocelli di-panggil untok menggendalikan satu pembelaan yang sulit apabila isteri yang maseh muda kapada sa-orang padri terkenal, di-tangkap atas tudohan membunoh ketika dalam perjumpaan pemulehan ugama.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 CHERAMAH DAKWAH
9.25 VEGAS
10.15 POLDARK — Episod 11
Di-sebabkan perasaan-nya yang hanchor musnah oleh kematian anak-nya, Caroline chuba melindongi perasaannya dengan menjadi pemarah dan bersikap indah tak indah.
11.05 LIFELINE — "Dr. Joan Hodgman"
11.55 PETIKAN DARI AL-KORAN
12.07 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 4HB DIS.

**PETANG .**

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 VISION ON — sambongan
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Race Against Disaster"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 SERIKANDI
7.26 AZAN ISHA
7.30 SERIKANDI — sambongan
7.40 THE HARDY BOYS — "The Game Plan"
Joe Hardy menjadi terkejut apabila abang-nya Frank berubah hati terhadap-nya dan melarikan diri bersama sa-orang penjenayah wanita jelita yang terlibat dalam satu kechurian besar2an.
8.30 WARTA BERITA
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DRAMA HIJRAH — "Berkat Darus Salam"
10.15 KOJAK — "Sixty Miles To Hell"
Kojak pergi ka-Las Vegas dalam usahanya membantu untok menchari Crocker, siapa yang di-cholek bersama2 dengan banduan-nya.
11.05 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.17 SIARAN TAMAT.



DENGAN di-kelilingi oleh penari2 disko yang jelita, bintang siri ini Parker Stevenson (tengah) sa-bagai Frank Hardy dalam episod misteri yang menarek ini berjodol "Game Plan" dari "Hardy Boys Mysteries". Ranchangan ini akan dapat di-saksikan pada hari Selasa jam 7.40 malam.





GAMBAR atas kiri kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menekan punat sa-bagai perasmian Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei pada hari Khamis lalu. Sa-telah itu Baginda di-junjong untok menyaksikan pameran saperti kelihatan dalam gambar atas kanan di-mana Baginda menyaksikan Batu Tarsilah Sultan2 Brunei, salah satu bahan yang di-pamerkan.

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah juga berangkat ka-upachara tersebut dan gambar atas kelihatan Yang Teramat Mulia berangkat ka-upachara pada hari itu sementara gambar bawah kanan menunjokkan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Memperingati Kedatangan Tahun Hijrah 1400 ketika beruchap di-upachara tersebut.

# DI-SEKIT

PAMERAN Sejarah Perkemba adakan di-Dewan Bandaran lama sa-bulan itu di-anjorkan sem Hijrah 1400. Pembukaan pamera charan sambutan menyambut ked kan oleh Kebawah Duli Yang Ma dan Yang Dipertuan Negeri Brune din Waddaulah di-satu upachara lalu.

Dalam titah perasmian itu, menekankan bahawa pameran te pengetahuan yang mendalam kap Islam dan murid2 sekolah supay memperkukoh semangat keIslama

Sa-telah selesai upachara per Seri Baginda Sultan, Duli Yang Sultan Sir Muda Omar Ali Saif Paduka Seri Duli Pengiran Perda Pengiran Muda Mohammad Bolk Duli Pengiran Bendahara Seri M Sufri Bolkiah dan Yang Terama Digadong Sahibol Mal Pengiran menyaksikan pameran tersebut. — di-upachara Pembukaan Rasmi F itu.







DYTM Paduka Seri Begawan Sulta Khairi Waddin juga turut berangkat k dan kanan kelihatan Duli Yang Ter tersebut.



PEMANDANGAN luar bangunan Dewan Bandaran di-mana Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei di-adakan.



# PERADUAN KUIZ SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin, Sabtu lalu telah merasmikan peraduan kuiz bagi sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri.

Peraduan tersebut di-anjorkan sempena sambutan Tahun Hijrah 1400 yang telah di-langsongkan di-Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah, Jalan Gadong.

Peraduan Kuiz itu di-serikan dengan persembahan2 nashid dan hadrah.

# Jangan hangat2 tahi ayam — Pengiran Indera Mahkota

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd Yassin, menasehatkan pelajar2 Kelas Ugama/Kor'an Jabatan Perpindahan dan Jabatan Kemajuan Kerjasama, supaya merebut peluang dan kesempatan untok menambahkan pengetahunan dalam bidang ugama Islam.

Dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, sabda-nya, memberikan seluas2 peluang pelajaran bukan sahaja kapada penuntut2 bahkan juga kapada orang2 dewasa yang ingin belajar atau menambahkan pengetahuan, adalah sentiasa terbuka.

Ketika bersabda di-majlis perasmian Kelas Ugama/Kor'an bagi Jabatan2 Perpindahan dan Kemajuan Kerjasama di-Pejabat Perpindahan sini minggu lalu, Yang Amat Mulia itu juga menarek perhatian serta merestui usaha jabatan2 tersebut pada menubohkan kelas itu.

"Apa yang saya harapkan ia-lah jangan sampai kata pepatah; 'Hangat2 tahi ayam' ia-itu pada mula2 kelas ini di-buka banyak bilangan-nya yang hadhir kemudian susut dan akhirnya tutop", tegas Yang Amat Mulia itu lagi.

Kelas tersebut di-rasmikan sempena Tahun Hijrah 1400. Turut hadhir di-majlis itu ia-lah Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Haji Kassim bin Hj Daud, Pegawai2 kanan Kerajaan, Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama. Kelas itu di-adakan pada tiap2 hari Selasa, Khamis dan Sabtu mulai jam 4.00 hingga 5.00 petang







KELIHATAN Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd Yassin, ketika merasmikan Kelas Ugama/Kor'an kakitangan Jabatan Perpindahan dan Kemajuan Kerjasama, minggu lalu, sementara gambar atas kanan dan bawah menunjokkan sabahagian daripada peserta kelas tersebut.



KEDUA2 gambar atas dan bawah ini menunjokkan perhiasan perkahwinan lama di-Brunei yang mengandongi unsor2 kesenian dan kebudayaan berchorak Islam. Sesunggoh-nya kedatangan Ugama Islam di-Brunei sejak lebeh 600 tahun yang lalu itu banyak meninggalkan kesan yang begitu mendalam di-jiwa satiap umat Islam di-negeri kita Brunei Darussalam ini.



# RANCHANGAN SAMBUTAN TAHUN HIJRAH 1400

| BIL : | TARIKH | ACHARA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| | | **Pagi :** | |
| 1. | Hari Khamis<br>16 Muharram 1400<br>(6hb Disember 1979) | i. Pameran Hasil Kerja Tangan Wanita | i. Di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong. |
| | | **Malam :** | |
| | | ii. Cheramah dan Kempen Sembahyang Jumaat dan Sembahyang Berjemaah. (Sa-lepas Fardhu Maghrib sementara menunggu Isha) | i. Surau Pulis Gadong, Brunei.<br>ii. Masjid Setia Ali, Muara.<br>iii. Masjid Sengkurong, Brunei.<br>iv. Masjid Sungai Besar, Brunei.<br>v. Masjid Hassanal, Bolkiah, Tutong.<br>vi. Masjid Birau, Tutong.<br>vii. Masjid Telisai, Tutong.<br>viii. Masjid Sungai Liang, Belait.<br>ix. Rumah Panjang Temada, Temburong.<br>x. Balai Raya Senukoh, Temburong.<br>xi. Balai Raya Belingus, Temburong. |
| | | **Pagi :** | |
| 2. | Hari Jumaat<br>17 Muharram 1400<br>(7hb Disember 1979) | i. Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Tanah Jambu | i. Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara, Brunei. |
| | | ii. Pembukaan Rasmi Masjid Sinaut | ii. Kampong Sinaut, Tutong. |
| | | **Tengahari :** | |
| | | Cheramah dan Kempen Sembahyang Jumaat Berjemaah. (Sa-belum Fardhu Jumaat) | i. Masjid Pudak, Brunei.<br>ii. Masjid Pangkalan Batu, Brunei.<br>iii. Masjid Pulau Baru2, Brunei.<br>iv. Masjid Bukit Bruang, Tutong.<br>v. Masjid Kampong Menengah, Tutong.<br>vi. Masjid Pekan Seria.<br>vii. Masjid Labi, Belait.<br>viii. Masjid Sungai Ubar, Belait. |
| | | **Petang :** | |
| | | Majlis Penyampaian Hadiah Hasil Kerja Tangan Wanita | Di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong. |
| | | **Malam :** | |
| | | Cheramah dan Kempen Sembahyang Jumaat dan Sembahyang Berjemaah. (Sa-lepas Fardhu Maghrib sementara menunggu Isha) | i. Masjid Kampong Tanah Jambu Jalan Muara, Brunei.<br>ii. Masjid Sinaut, Tutong. |
| 3. | Hari Sabtu<br>18 Muharram 1400<br>(8hb Disember 1979) | Majlis Pertandingan Akhir Berzanji | Di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong. |
| | | **Pagi :** | |
| 4. | Hari Ahad<br>19 Muharram 1400<br>(3hb Disember 1979) | i. Kursus Muallaf | i. Di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei. |
| | | ii. Khatam Al-Kor'an Murid2 Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½, Jalan Tutong | ii. Di-Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba Brunei. |
| | | iii. Majlis Bimbingan Anak2 Yatim | iii. Di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong. |
| | | iv. Pameran Hasil Kerja Tangan Wanita<br>v. Majlis Khatam Al-Kor'an Murid2 Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin | iv. Dewan Ria, Temburong.<br>v. Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait. |
| | | **Pagi :** | |
| 5. | Hari Ithnin<br>20 Muharram 1400<br>(10hb Disember, 1979) | Majlis Penyampaian Hadiah Hasil Kerja Tangan Wanita. | Dewan Ria, Temburong. |
| 6. | Hari Selasa<br>21 Muharram 1400<br>(11hb Disember 1979) | Pameran Keselamatan dan Pertahanan Askar Melayu Diraja Brunei. | a) 11hb Disember, 1979 (pagi-petang) Di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei.<br>b) 13hb Disember, 1979 (pagi-petang) Di-Sekolah Menengah Melayu SMJA, Brunei. |



# MASJI



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Ba
Duli Pengiran Perdana Wazir, YTM
Paduka Seri Duli Pengiran Digadong
menunaikan sembahyang fardhu Jum
kan oleh YDM Pehin Datu Seri Mah
menjadi Imam.

Keberangkatan Kebawah D
Wazir, YTM Paduka Seri Duli Pengir
Hal Ehwal Ugama, Pengerusi dan ah
dan kanan.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan mengorniakan tongkat masjid kapada Imam, YDM Begawan Pehin Siraja Khatib Awang Haji Abdul Hamid. Tongkat ini di-perbuat dari kayu impas dari Temburong sementara tampok-nya di-salin semula dari rekabentok tongkat Masjid Omar Ali Saifuddin oleh penuntut2 Pusat Kesenian dan Pertukangan Brunei.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat merasmikan pembukaan Masjid Mohammad Bolkiah di-Jalan Muara pada hari Jumaat lalu.

Pembukaan masjid tersebut ada-lah salah satu achara sambutan bagi memperingati kedatangan tahun Hijrah 1400 dan akan diikuti dengan pembukaan beberapa buah masjid dalam tempoh sambutan itu pada tarikh2 yang berasingan.

Masjid Mohammad Bolkiah yang terletak di-atas tapak sa-luas 3.86 ekar di-Kampong Serusop, Jalan Muara itu ada-lah merupakan masjid kedua terbesar di-negeri ini.

Di-samping mempunyai Dewan Sembahyang sa-luas 8,700 kaki persegi yang di-hampiri dengan permaidani berwarna hijau yang boleh memuat kira2 1,500 orang jemaah masjid tersebut juga mempunyai sa-buah bilek Imam, sa-buah dewan Madrasah untok kegunaan kegiatan masjid sa-luas 3,384 kaki persegi, sa-buah bilek alat pembesar suara, setor di-kiri kanan masjid, bilek berudzu untok orang2 kenamaan dan tempat letak kereta untok kira2 300 buah kereta.

Kerja2 pembenaan masjid yang menelan belanja kira2 $3 juta itu bermula dalam bulan Mach 1976. Keselurohan kerja2 pembenaan masjid tersebut telah selesai dalam bulan Ogos 1978 dan di-serahkan kapada pehak Kerajaan pada 31hb Ogos, 1978. Tetapi oleh kerana kerosakan yang tiba2 berlaku terhadap atap dan Qubah Masjid itu, maka ia-nya di-serahkan kembali kapada pehak pemborong untok di-perbaiki pada 9hb September, 1978.

Masjid tersebut di-serahkan semula kapada Kerajaan sa-telah selesai pembaikan pada 12hb April, 1979. Sembahyang Jumaat pertama telah di-adakan pada 27hb Ramadhan 1398 bersamaan 1hb September, 1978.





GAMBAR2 atas dan kiri menunjokkan sa-bahagian dari para jemaah lelaki dan perempuan yang turut berjemaah pada hari

# MOHAMMAD BOLKIAH DI-BUKA RASMI





ıltan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Pemancha ketika hendak kiri) sa-telah perasmian sempurna di-laksanakan. Khutbah sembahyang pada hari itu di-bacha- to Seri Utama Awang Haji Ismali bin Omar Abdul Aziz (atas kanan) dan Yang Dimuliakan itu juga

Maha Mulia; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana hara dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong telah di-alu2kan oleh Y.B. Pengetua Pegawai ankuasa Pembukaan Rasmi Masjid Mohammad Bolkiah saperti kelihatan dalam gambar2 bawah







# Majlis Foram Sempena Tahun Hijrah

PEKAN TUTONG. — Kira2 200 orang belia2 di-daerah ini telah menghadhiri satu majlis foram sempena pelancharan khemah kerja belia bagi meng-alu2kan Sambutan Tahun Hijrah 1400 yang telah di-ada-kan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Rabu 21hb Nobember yang lalu.

Tajok foram yang di-bin-changkan ia-lah "BELIA2 ISLAM DAN USAHA2 PEN-YIBARAN DAAWAH". Fo-ram yang di-pengerusikan oleh Awang Moksin bin Haji Abd. Kadir itu di-sertai oleh sa-ramai tiga orang ahli panel. Mereka ia-lah Awang Anuar bin Ibrahim, wakil Kongress Belia Islam Sa-Dunia bagi kawasan Rantau Asia dan Pasifik, Awang Haji Abd. Sa-man bin Kahar, Ketua Pegawai Pelajaran Ugama dan Awang Haji Jaya bin Abd Latif, Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Majlis foram tersebut telah mendapat sambutan yang hangat apabila Awang Anuar bin Ibra-him membicharakan masaalah2 belia terhadap penyibaran daa-wah yang memakan masa kira2 50 minit, di-mana beliau telah membicharakan soal2 yang di-hadapi oleh belia2 Islam di-seluroh dunia baik dari segi moral, keperibadian, dan lain2 lagi soal2 yang bersangkut paut dengan belia2 Islam.

Di-akhir foram tersebut para belia2 tanah ayer telah menge-mukakan beberapa soalan dan seterus-nya berbinchang serta berdailog dengan ahli2 penal mengenai tajok tersebut.

Turut hadhir di-majlis foram itu termasok-lah Pegawai Dae-rah Tutong, Awang Haji Chu-chu bin Panglima Asgar Dato Haji Abdullah serta pegawai2 kanan kerajaan.

Majlis2 foram yang sama ju-ga telah di-adakan di-Daerah2 Temburong, Belait dan di-Mas jid Mohammad Bolkiah, Dae-rah Brunei-Muara.



Awang Annuar Ibrahim.

# ORANG ISLAM DALAM KONTEKS MENGHAYATI ISLAM

PERSOALAN "Orang Islam Dalam Konteks Menghayati Islam" ada-lah lingkaran persoalan2 yang timbul dalam foram yang berlangsong di-Masjid Mo-hammad Bolkiah, Kampong Serusop di-Jalan Muara pa-da hari Jumaat di-sebelah malam, 23hb Nobember, 1979. Foram itu di-adakan mengambil dua sempena ia-itu pembukaan rasmi masjid tersebut yang telah di-sem-purnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan sambutan tahun baru hijrah 1400. Jadi, foram itu di-adakan ada-lah kait-berkait dengan pembukaan rasmi masjid tersebut dan sambut-an 1400 tahun hijrah yang sedang di-lancharkan di-seluroh negeri dan akan berjalan sa-lama sa-bulan hingga ka-bulan Disember depan.

Sa-benar-nya, foram terse-but hanya sa-bahagian dari beberapa achara yang di-adakan sempena pembukaan masjid tersebut dan RTB telah memberikan keistime-waan untok membuat siaran terus-menerus atau siaran langsong melalui perkhid-matan radio. Dengan demi-kian, umat Islam di-negeri ini telah berpeluang meng-ikuti suasana yang terdapat di-Masjid Mohammad Bol-kiah pada malam itu—meng-ikuti zikir Brunei, ratib sa-man, bachaan Al-Kor'an sa-lain dari upachara2 ber-sembahyang Maghrib dan Isha' berjemaah, bertahlil, membacha Surah Yasin.

*Dan, achara yang mena-rek minat Umat Islam di-seluroh negeri yang meng-ikuti siaran itu ia-lah upa-chara bersembahyang hajat, khusus untok memohon ka-pada Allah demi keselama-tan Masjidil Haram dan Ka'abah di-dalam-nya agar terhindar dari sebarang pe-taka yang burok dan segera terlepas dari anchaman gu-longan2 anti Islam yang mempergunakan orang2 Is-lam sendiri.*

*Ketika ini, Masjidil Ha-ram di-khabarkan oleh agensi2 berita dunia "se dang di-tawan". Kemudi-an di-khabarkan telah di-kuasai semula oleh Kera-jaan Arab Saudi. Kemudi-an, di-khabarkan lagi yang orang2 jahat itu maseh ber-ada di-Masjidil Haram. Ke-mudian di-khabarkan pula bandit2 itu telah di-tumpas-kan dan ada yang sudah di-tangkap. Kemudian timbul lagi berita yang menyebut bahawa antara 300-500 orang jahat itu maseh ber-ada di-Masjid tersebut.*

*Maka demikian-lah per-mainan dalam kerja pem-beritaan yang sa-hingga ren-chana ini di-tulis (24hb No-bember, 1979) maseh belum mendengar kepastian-nya apa-kah Masjidil Haram su-dah dapat di-bersehkan da-ri bandit2 yang ada di-da-lam-nya atau ada-kah benar yang orang2 jahat itu bera-tus2 jumlah-nya atau ada-kah benar yang negara2 bukan Islam tidak terlibat dalam perbuatan menchabul kesuchian Masjidil Haram itu? Sesunggoh-nya, Allah jua yang maha mengetahui. Akan tetapi, apa yang besar mungkin-nya sekarang ia-lah "kekukohan Islam, sa-chara terang2an sudah hen-dak di-kota-katikkan, hen-dak di-kechai2kan. Dan, apabila "perbuatan meng-ganggu Masjidil Haram itu" dapat di-jadikan ra-chun kapada Umat Islam terutama yang tipis iman-nya, maka akan lanchar-lah perjalanan musoh2 Islam. Kerana di-ketahui, bahawa seluroh Umat Islam yakin dan perchaya bahawa Ka'a-bah tidak akan di-sentoh oleh apa jua bentok kejaha-tan. Memang Ka'abah ti-dak di-sentoh dan bandit2 itu chuma berada di-dalam Masjidil Haram, tetapi ini sudah chukop mengurang-kan keyakinan itu — dan, ini-lah yang di-kehendaki oleh musoh2 Islam.*

Dari keadaan ini yang sudah barang tentu di-tim-bulkan oleh perasaan bim-bang akan keselamatan Masjidil Haram itu, para jemaah di-masjid yang baru di-buka itu mengadakan sembahyang hajat khusus bagi memohon agar Masji-dil Haram dan Ka'abah di-dalam-nya tetap selamat.

Selesai para jemaah me-nunaikan sembahyang Isha', maka majlis foram pun ber-jalan yang di-beri tajok "Kesan Pengajaran Islam Dalam Pembentokan Hidup Mu'min" dengan ahli penal khas Awang Annuar Ibra-him yang di-jemput khas oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei. Beliau ia-lah wakil Perhimpunan Islam Sa-Du-nia yang berpusat di-Ri-yadh. Lain2 penal ia-lah Awang Haji Abdul Saman bin Abdul Kahar, sa-orang tokoh ugama yang tidak asing di-Brunei dan Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman, Setia Usaha Agong MBB.

Yang Berhormat Penge-tua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain bin Haji Serudin turut mem-berikan hujjah2-nya dalam foram itu dengan memberi-kan beberapa penjelasan yang di-bangkitkan oleh ahli2 penal itu.

Di-sepanjang perjalanan foram itu, sunggoh pun ia-nya di-kehendaki berligar di-bawah satu tajok "Kesan Pengajaran Islam Dalam Pembentokan Hidup Mu'-min", tetapi pada umom-nya ia lebeh bertumpu ka-pada soal2 menghayati Is-lam dalam konteks kehi-dupan orang Islam sendiri. Bagaimana pun bila membicharakan soal2 yang demikian me-mang-lah lazim berlaku sangkut-paut dan kait-me-ngait sekitaran keadaan orang2 Islam sendiri de-ngan ugama yang mereka anuti. Apa-kah mereka benar2 dapat melancharkan hidup sa-bagai orang Is-lam? Ini-lah yang lebeh banyak di-bicharakan da-lam foram itu.

Penal pertama yang mem-buka tirai foram itu, Awang Haji Saman bin Abdul Ka-har membuat pertolakan pembicharaan-nya mengenai "*pembarjahan*" terhadap orang2 yang kurang per-chaya tentang hari akhirat dan kehidupan di-dalam-nya. Bertolak dari bebera-pa petikan hadith dan fir-man, beliau memberikan gambaran2 kehidupan yang terdapat di-akhirat ia-itu tentang ada-nya shorga dan neraka dan bagaimana orang di-shorga yang tinggal dalam serba kenikmatan melihat orang di-neraka yang serba ke-peritan. Amalan hidup di-dunia membezakan hidup di-akhirat dalam mana yang hidup beriman kapada Al-lah di-dunia, tempat-nya di-shorga, manakala yang tidak beriman kapada Al-lah, tempat-nya di-neraka. Kerana perbezaan amalan2 di-dunia, maka membeza-kan pula perkumpolan di-akhirat. Hidup di-akhirat tidak sama dengan hidup di-dunia dalam ma-na hidup di-dunia kita hidup berkeluar-ga, sama2 menikmati ke-hidupan dunia, tetapi kera-na sikap berlainan, segi2 amalan kapada Allah tidak sama yang menjadikan data keimanan terhadap Allah itu ada tinggi dan ada ren-dah—mungkin ada yang ko-song—maka berlaku-lah pe-misahan atau pembahagian tempat di-akhirat dan sebab itu-lah ada yang tinggal di-shorga dan ada yang tem-pat-nya di-neraka dengan mengalami berbagai azab.

**Petikan dari Majlis Foram yang berlangsong di-Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop, Ja-lan Muara pada 23hb Nobember yang lalu.**

Awang Haji Abdul Saman menarek perhatian orang2 Islam di-negeri ini supaya mengambil sikap yang lebeh tegas dalam menanamkan di-dekan2 keugamaan kapada anak-pinak mereka dan ke-yakinan tentang ada-nya shorga dan neraka dan men-didek anak-pinak dan suku-sakat mereka menurut chara hidup sa-bagai orang Islam. Jangan membiarkan anak-pinak dan suku-sakat kita itu terpisah hidup-nya dari amal-an2 sa-bagai orang Islam dan membiarkan mereka terjerumus di-dunia dengan fahaman2 ke-duniaan yang keterlaluan apa lagi mengurangkan atau me-ringan2kan ajaran2 Islam.

Awang Annuar Ibrahim juga lebeh banyak menimbul-kan peristewa2 yang terdapat dalam perkembangan Islam, kemajuan dan kemunduran Islam dan bagaimana Islam itu patut di-hayati oleh orang2 Islam sendiri agar tidak ter-gelinchir oleh berbagai penga-roh keduniaan. Beliau yakin bahawa manusia Islam sendiri akan jauh tertinggal dan akan menjadi umat yang rendah jika pengabaian terhadap ajaran2 Islam itu ujud dalam diri oleh Islam sendiri. Sebalek-nya beliau penoh yakin jika umat Islam hari ini bersedia mem-perbaharui tekad dan tampil menghayati zaman kebangkitan semula Umat Islam, menguat-kan tekad untok menegakkan yang ma'aruf dan meninggal-kan yang mungkar, menchari kemenangan dunia dan akhirat, maka itu-lah umat Islam yang di-sebut sa-bagai umat yang khair atau umat yang paling baik.

Mengakhiri hujjah2-nya, Awang Annuar Ibrahim men-yatakan rasa terharu-nya akan keadaan di-Brunei dalam mana perkembangan Islam itu di-sifatkan-nya sa-bagai amat menggalakkan dan begitu ber-semarak lagi kukoh. Beliau mengharapkan agar kekukohan dan kekuatan pegangan ber-ugama itu di-kalangan masha-rakat Brunei akan terus terpeli-hara, kerana keuntongan-nya ada-lah amat besar bukan saja bagi masharakat Brunei, ma-lah masharakat Islam yang lain di-rantau Asia ini 'am-nya dan khusus-nya dunia dalam mana Brunei akan di-jadikan chontoh dalam kesunggohan dan ke-sediaan dalam memahami dan menghayati Islam. Ini satu ke-baikan yang besar yang dapat di-tunjolkan oleh Brunei. Maka itu, iman orang2 Brunei yang sedia kuat itu hendak-lah di-perkuatkan lagi agar nama baik itu akan terus terpelihara dan jauh dari sebarang pen-chabulan dari kemornian itu.

Penal ketiga, Awg. Mustapha bin Haji Abdul Rahman, Setia Usaha Agong MBB, walaupun masa di-berikan kapada beliau bagitu terhad, namun beliau dapat menchuit hati-nurani para jemaah dan pendengar radio apabila beliau menimbul-kan soal2 "kerana Allah" dalam praktik hidup harian orang2 Islam. Dalam soal ini beliau meragukan sa-jauh ma-na-kah orang2 Islam di-Brunei telah mempraktikkan "kerana Allah" dalam sa-tiap perbuatan mereka. Beliau meninggalkan hal ini untok di-fikirkan ber-sama dan di-kaji dalam diri sa-tiap orang Islam Brunei akan hal tersebut.

Dan beliau mengajak para jemaah berfikir akan sambutan 1400 tahun hijrah di-Brunei yang sedang di-adakan masa ini dengan menimbulkan per-soalan apa-kah sambutan itu di-anggap "perayaan", kerana beliau lebeh chenderong yang sambutan itu bukan dalam perayaan, tetapi dalam bentok yang lebeh bererti sifat-nya ia-itu yang merupakan satu pertolakan dalam mana inti-pati sambutan itu di-kehendaki akan menjadi amalan hidup sepanjang hayat oleh orang2 Islam di-Brunei ini. Dengan kata2 yang lain, sambutan itu biar-lah benar2 memberi kesan yang menchuit dan menolak-nolak hati nurani orang2 Islam di-Brunei untok terus mengambil sikap positif dalam mengenali medan mereka sen-diri sa-bagai orang Islam itu dan memikirkan apa yang telah kita buat atas nama "kerana Allah" itu.

Sa-bagai bahan berfikir, beliau tertarek memetik dalam salah satu sharahan di-sambut-an Maulud di-Temburong yang telah di-sampaikan oleh Awg. Haji Besar yang pada masa ini Kadhi Daerah Temburong. Sambutan Maulud itu ada-lah berthemakan "Berkhidmat Ka-pada Negara Kerana Allah", dan Awang Haji Besar, menu-rut Awang Mustapha, men-yarankan — "kalau kitani bakaraja kerana tugas — itu shirik nama-nya; kalau kitani bakaraja kerana pangkat — shirik nama-nya; kalau kitani bakaraja kerana usin — shirik nama-nya; kalau kitani baka-raja kerana puji — shirik nama-nya." Kalau bagitu, tan-ya Awang Mustapha, kerja apa-kah yang tidak shirik?. Maka itu, kata-nya, sudah-kah kitani tahu tentang segala2 kerana Allah itu?. Maka fikir-kan-lah, kata-nya. Dan beliau tidak mengulas tentang hal ini, kerana beliau lebeh suka su-paya di-fikirkan oleh sa-tiap yang mendengar perkara itu.

Kemudian, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Diraja, Dato Seri Utama Awg. Haji Md. Zain di-samping menguatkan hujjah2 dalam foram itu, telah juga menjelas-apa yang sa-benar-nya di-maksudkan "kerana Allah" itu.

Yang Berhormat Pehin men-jelaskan bahawa sa-tiap per-lakuan kita itu yang tidak berchampor dengan niat yang lain melainkan melakukan-nya atas ajaran dan apa yang di-kehendaki oleh Allah, maka itu-lah yang di-maksudkan dari apa yang di-katakan "kerana Allah" itu. Misal-nya, kata Pehin itu, kita mempergunakan harta dengan menolong dan membantu orang yang memerlukan-nya, membantu menyempurnakan kehidupan orang2 yang perlu di-bantu bagi menchapai darjah hidup yang di-galakkan oleh Allah

Lihat muka 17

# R PEMBUKAAN RASMI PAMERAN SEJARAH ERKEMBANGAN ISLAM DI-BRUNEI

… di-Brunei kini sedang di… Seri Begawan. Pameran sa… peringati kedatangan tahun … di-selajurkan dengan pelan… abad ke-15 yang di-sempurna… Paduka Seri Baginda Sultan … Hassanal Bolkiah Mu'izzad… berlangsong pada hari Khamis

… Yang Dipertuan antara lain … memberikan fahaman dan … Brunei khas-nya dan umat … bahkan lagi kesedaran serta … keimanan kapada Allah.

… Kebawah DYMM Paduka … Mulia Paduka Seri Begawan … Saadul Khairi Waddin, YTM … Sahibol Himmah Wal-Waqar … Teramat Mulia Paduka Seri … Permai Suara Pengiran Haji … Paduka Seri Duli Pengiran … Jefri Bolkiah di-junjong untok …ar2 di-ruangan ia-lah suasana … Sejarah Perkembangan Islam







GAMBAR2 ini kelihatan Baginda Yang Dipertuan dengan di-iringi oleh YB Setia Usaha Kerajaan dan Pengarah Muzium ketika menyaksikan pameran.



…uda Omar Ali Saifuddin Saadul …ara tersebut. Gambar2 atas, bawah …ulia ketika menyaksikan pameran





# Kumpolan kedua jemaah haji kita selamat pulang





ROMBONGAN kedua jemaah haji yang mengandongi 346 orang telah selamat pulang ka-tanah ayer pada pagi Rabu, 21hb Nobember lepas dan selamat mendarat dengan Boeing 747B kepunyaan Sharikat Penerbangan Singapura di-Lapanganterbang Antarabangsa, Berakas.

Bagaimana pun rombongan tersebut yang telah bertolak dari Jeddah dan membuat persinggahan di-Bahrin menuju Singapura pada 20hb Nobember telah terlambat sampai ka-negeri ini kira2 tiga jam ia-itu sa-hingga jam 9.30 pagi dari yang di-jadualkan mendarat jam 6.35 pagi dari Singapura.

Ramai sanak saudara dan sahabat handai para jemaah telah berasak-asak membanjiri bangunan Lapanganterbang Antarabangsa sejak awal pagi lagi untok menyambut kepulangan para jemaah tersebut saperti mana juga keadaan berasak asak yang berlaku ketika menyambut kepulangan rombongan jemaah yang pertama.

Gambar2 ini memperlihatkan keadaan para jemaah berkenaan ketika turun dari tangga dengan di-tuntoni oleh keluarga mereka untok di-bawa pulang ka-kampong halaman manakala gambar yang satu lagi salah sa-orang jemaah perempuan yang kurang daya bergeraknya sedang di-sorong dengan basikal roda oleh salah sa-orang kaki-tangan Rumah Sakit Besar di-ibu negeri sa-baik2 saja keluar dari perut kapalterbang yang membawa para jemaah.

Pada tahun ini sa-ramai 748 orang menunaikan fardhu haji bagaimana pun dua orang jemaah kita telah meninggal dunia di-Mekah sa-telah sempurna menunaikan kerja2 ibadah haji.

# Pemenang2 Peraduan Tulisan Jawi

BANDAR SERI BEGAWAN.— Majlis penyampaian hadiah2 dan preview tulisan jawi Sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 telah di-adakan di-Muzium, Jalan Kota Batu di-sini pada hari Sabtu yang baru lalu.

Majlis tersebut telah di-sempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Peguam Negara Brunei dan majlis pada pagi itu di-mulakan dengan uchapan alu2an oleh Pengerusi Peraduan, Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Peraduan tersebut telah di-bahagikan kapada lima bahagian yang terdiri dari sekolah rendah, menengah dan maktab2 serta orang2 dewasa di-seluroh negeri dan telah di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jabatan Muzium Brunei.

Dalam bahagian sekolah rendah tempat pertama telah di-menangi oleh Dayang Siti Fatimah bte Kamis, tempat kedua di-menangi oleh Dayang Manjiyah bte Haji Ismail, kedua-nya dari Sekolah Menengah Ugama Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan tempat ketiga telah di-menangi oleh Awg Razali bin Haji Tahir dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Sementara dalam bahagian Menengah Rendah pertama telah di-sandang oleh Dayang Rogayah bte Mudim Haji Wahid dari Sekolah Menengah Ugama Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, kedua di-menangi oleh Awang Daud bin Johar dari Sekolah Menengah Ugama Arab Hassanal Bolkiah dan tempat ketiga jatoh kapada Dayang Berzah bte Ibrahim dari Sekolah Menengah Ugama Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Dalam bahagian sekolah2 Menengah Atas tempat pertama, kedua dan ketiga telah di-menangi oleh penuntut2 dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri. Mereka ia-lah Dk Naini bte Pengiran Haji Bakar, Dayang Suboh bte Othman dan Dayang Hasnah bte Mat Seruddin.

Manakala dalam bahagian sekolah menengah tinggi dan maktab2 pula tempat pertama telah jatoh kapada Awang Jatun bin Sukaimi dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, kedua di-menangi oleh Awang Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan tempat ketiga di-menangi oleh Dayang Hawyah bte Mahmud juga dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Dan dalam bahagian dewasa pula, Awg Ramli bin Hidup dari Kampong Saba Darat telah mendapat tempat pertama, kedua di-sandang oleh Awang Sabtu bin Surat dari Kampong Sengkurong dan ketiga ia-lah Awg Hassan bin Haji Ahmad dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Turut hadhir di-majlis tersebut termasok-lah Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim serta pegawai2 kanan kerajaan.

## Pindah ka-bangunan baru

ADA-LAH di-ma'alomkan kapada semua Ketua2 Jabatan bahawa, Ibu Pejabat Talikom sekarang ini berpindah ka-Rumah Talipon, Batu 1, Jalan Tutong.

Ibu Pejabat bagi Pengurus Talikom Kawasan Timor, yang bertanggong-jawab mengenai dengan permohonan2 talipon dan pengaduan2 talipon, bersama2 dengan pembayaran dan Pejabat Taligerap maseh lagi di-bangunan Talikom, Jalan Sultan.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 22hb Nobember, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. BAWANG MERAH — $1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Soum Huat,
   No. 28, Jalan Sultan.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Hen Loong,
   No. 31, Jalan Sultan.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier,

**KUALA BELAIT :**

1. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chiong Kee,
   No. 1-A, Jalan Pretty.
2. SAYOR KINCHAM — $2.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   b) Chop Hwa Min,
   No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   c) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan McKerron
   d) Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA :**

1. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Yick Hoe,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Hoe,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAGO HALUS — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Foo Hap Shing,
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   c) Chop Siong Yick,
   No. 54, Jalan Bunga Kuning,

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak Bagi 1hb hingga 4hb Dis 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 1.12.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 1.12.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 1.12.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Rumah Mukim Serasa, Kampong Serasa | 2.12.1979 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Kampong Masjid Lama, Muara | 2.12.1979 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 2.12.1979 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 3.12.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 4.12.1979 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 4.12.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# PASOKAN BOLASEPAK BELAIT JOHAN DAERAH TAHUN INI

GADONG. — Pasokan Bolasepak Daerah Belait telah munchol menjadi johan dalam perlawanan akhir bolasepak antara daerah2 yang telah berlangsong minggu lalu bertempat di-Stadium Hassanal Bolkiah Polis Diraja di-sini.

Pasokan tersebut telah berjaya mengalahkan Pasokan Daerah Tutong dengan jaringan lima gol berbalas satu.

Gol pertama bagi pasokan Belait telah di-jaringkan oleh Awang Abu Bakar Abdullah. Ini kemudian diikuti dengan jaringan gol kedua oleh Awang Metussin bin Duraman manakala beberapa minit sebelum perlawanan sa-paroh masa pertama berakhir satu gol lagi telah di-jaringkan oleh Awang Ismail bin Haji Bungsu.

Dalam sa-paroh masa kedua, dua lagi gol bagi Daerah Belait telah di-jaringkan oleh Ak Bakar bin Pengiran Haji Mat Jaafar. Gol2 tersebut di-jaringkan dalam beberapa minit terakhir sebelum perlawanan selesai.

Gol bagi daerah Tutong juga ada-lah di-jaringkan dalam separoh masa kedua.

Perlawanan tersebut adalah merupakan kali pertama di-anjorkan oleh Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA) sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Yang Ke-33 tahun.

Ia-nya telah pun bermula sejak bulan Jun lalu dan di-jangka akan menjadi satu achara tahunan sambutan bagi hari Keputeraan DYMM.

Sebelum memenangi perlawanan tersebut Daerah Belait telah pun berjaya mengalahkan pasokan2 dari Daerah Brunei/Muara, Temburong dan Pasokan Bolasepak Polis Diraja Brunei.

Pasokan Daerah Belait telah berjaya memenangi piala pusingan Awang Abdul Samad dan Anak2.

Kelihatan ketua Pasokan Daerah Belait Awang Salleh bin Metassan sedang menerima piala kemenangan dari Pemangku Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awg Haji Yahya bin Hj Harris.



AWANG Haji Yahya bin Haji Haris, Pemangku Pegawai Daerah Brunei/Muara sedang menyampaikan piala johan antara daerah kapada wakil Pasokan Daerah Belait yang telah memenangi perlawanan bolasepak antara daerah. Sementara kedua2 gambar bawah menunjokkan suasana perlawanan pada petang itu.





BERGAMBAR ramai (atas) ia-lah pasokan Daerah Belait yang telah menjadi johan perlawanan bolasepak antara daerah 1979 sa-telah menewaskan pasokan Daerah Tutong dengan jaringan lima gol berbalas satu.

## BELIA DAN SOKAN



## KURSUS JIMNASTIK

GADONG. — Sa-ramai 25 orang guru termasok 5 orang perempuan akan mengikuti satu kursus khas jimnastik yang akan di-adakan bertempat di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-sini.

Kursus tersebut ada-lah kali ketiga di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei dan akan berjalan selama saminggu.

Setakat ini sa-ramai 47 orang guru telah berjaya menamatkan kursus serupa itu.

## Penyampaian sijil kpd pengadil bolasepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian sijil kapada pengadil2 bolasepak sa-ramai dua puloh lapan orang telah di-lakukan oleh Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Amatur Brunei, Yang Mulia Pengiran Idriss ibni Pengiran Temanggong Pg Haji Mohammad.

Majlis tersebut telah dilangsongkan di-Pusat Belia sini minggu lalu. Sebelas orang pengadil bolasepak yang telah menerima sijil pada hari itu ia-lah dari Daerah Tutong dan sa-leb-nya dari Daerah Brunei/Muara.

Pelita Brunei di-beritahu bahawa majlis penyampaian sijil kapada pengadil2 bolasepak ini ia-lah kali pertama di-lakukan pada tahun ini sementara penyampaian sijil2 kapada pengadil2 bolasepak seumpama ini juga pernah di-lakukan oleh pehak BAFA dan Jabatan Pelajaran.

Mereka yang telah menerima sijil pengadil bolasepak sa-jauh ini, setelah tamat melalui ujian2 bertulis, temu-duga sa-chara lisan dan melalui latehan2 di-padang bolasepak.

Mereka yang telah menerima sijil pengadil bolasepak pada hari itu ia-lah: Awang Kamal bin Haji Hassan, Awang Yusof bin Siput, Awang Othman bin Mohd Salleh, Awang Kamaluddin bin Hitam, Awg Hj Mohammad bin Mokti, Awang Sulaiman bin Said, Awg Masri bin Hj Zainal, Awg Judin bin Serudin, Awang Ibrahim bin Pehin Dato Haji Johari, Awang Malik bin Abdul Latif, Awang Midon bin Badar, Awg Shahbudin bin Mohd Taha, Awang Jalil bin Haji Abu Bakar, Awang Sanif bin Md Taif.

Sgt Malai Hashim Syed Imamdin, Awang Shamsuddin bin Haji Ahim, Sgt Hussain bin Abdul Rahman, Awang Ishak bin Haji Manaf, Awang Mornie bin Mohd Daud, Pengiran Marali bin Pgn Haji Bustamam, Awang Agas bin Ayun, Awang Haji Abd Wahid bin Haji Tungkat, Awang Ahmad bin Bakir, Cpl Pengiran Ibrahim bin Pgn Hashim, Awang Suhaimi bin Haji Ibrahim, Pgn Mohd Salleh bin Pgn. Abdul Rahman, Awang Ismail bin Haji Zainal dan Awang Maidin bin Ja'afar.

## KEJOHANAN PIALA BORNEO 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bolasepak Kebangsaan Negeri Brunei akan bertolak ka-Kota Kinabalu pada 28hb Nobember depan untok menyertai Kejohanan Piala Borneo 1979 yang akan berlangsong di-sana.

Perlawanan tersebut adalah bagi merebut piala kornia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Perlawanan akan bermula pada 30hb Nobember dan akan berakhir pada 2hb Disember.

Tahun lalu, Piala Borneo telah di-menangi oleh pasokan Sabah. Perlawanan merebut piala Borneo tahun ini di-jangka lebeh hebat dari tahun2 yang lalu disebabkan beberapa muka baru dalam arena bolasepak akan di-turunkan oleh pasokan dari ketiga2 wilayah, ia-itu Sarawak, Sabah dan Brunei.

Piala Borneo tahun lalu di-adakan di-Brunei dan di-Sarawak pada tahun 1977. Kali ini ia-lah giliran Sabah pula menjadi tuan rumah Piala Borneo.

Ada-lah juga di-fahamkan juara Piala Borneo ini nanti akan juga mewakili ka-pertandingan Piala Malaysia bersama2 dengan pasokan dari Singapura. Tahun lalu Piala Malaysia telah di-menangi oleh pasokan dari Selangor.

## Perlawanan akhir Badminton

JALAN MUARA. — Perlawanan akhir Badminton bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Pengarah Pelajaran Brunei DSLJ Awang Haji Ahmad bin Hj Jumat akan di-langsongkan pada 4hb Disember depan bertempat di-Sekolah Bangunan Saiful Rizal di-sini.

Dalam perlawanan tersebut Jabatan Pelajaran 'A' akan bertemu dengan Pasokan Jabatan Kebajikan.



# PERHIMPUNAN MENYAMBUT KEDATANGAN TAHUN HIJRAH 1400





BERIBU2 orang umat Islam di-seluroh negeri telah berhimpun di-masjid2 dan surau di-seluroh negeri pada hari Selasa 20hb Nobember yang lalu untok bersembahyang jemaah fardhu Magrib dan Isha serta memohon do'a menyambut kedatangan tahun Hijrah 1400 yang jatoh pada hari Rabu minggu lalu.

Di-Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa menjadi tetamu kehormat dalam perhimpunan itu (saperti kelihatan dalam gambar paling atas).

Tetamu kehormat di-perhimpunan di-Daerah Belait ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pg Haji Ismail (gambar atas).

Di-Pekan Tutong pula ia-lah Speaker Majlis Mashuarat Negeri, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pg Omar (kiri) dan di-Pekan Bangar pula ia-lah Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (gambar bawah).

Dari muka 12

maka usaha atau langkah yang demikian itu-lah yang di-katakan kerana Allah itu. Bukan "kerana Allah", kata-nya, jika kita menolong orang kerana tujuan2 untok bergaya saperti memberi usin kapada kanak2 untok membeli pakaian bagi tujuan supaya di-pandang chantek dan menjadikan kanak2 itu "kambang", maka perbuatan itu bukan "kerana Allah", tetapi ada-lah kerana menggalakkan kanak2 itu hidup bergaya dan sa-terus-nya hidup dengan mendedahkan mereka ka-jalan2 yang tidak di-suroh oleh Allah.

Sa-terus-nya, Yang Berhormat Pehin mengketengahkan tentang betapa perlu-nya ibu-bapa mengambil langkah2 yang perlu dalam menggalakkan anak-pinak mereka ka-arah mendekatkan diri kapada Allah dengan menyuroh mereka membuat awal2 lagi apa yang di-kehendaki di-lakukan sabagai orang Islam.

Menurut ajaran Nabi Mohammad s.a.w., kata-nya, di-mestikan sa-tiap ibu-bapa itu menyuroh anak-pinak mereka mengerjakan ibadah sembahyang sejak kechil lagi dan mendesak mereka supaya berbuat demikian walau pun terpaksa di-pukol, asalkan mereka itu melakukan sembahyang. Ini tanggong-jawab ibu-bapa, kerana orang2 Islam ada-lah di-kehendaki mengerjakan sembahyang sejak kechil lagi.

Sa-belum itu, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja juga telah turut sama memperkatakan tentang betapa perlu-nya kita sa-bagai orang2 Islam mempertegohkan diri kita agar tidak mudah terpesong dari landasan2 yang di-ajarkan dan di-tuntut untok di-praktikkan oleh orang2 Islam.

Hampir 1000 orang telah mengikuti foram di-Masjid Mohammad Bolkiah itu yang telah di-pengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dan majlis itu berakhir hampir jam 11.00 malam.



# TENDER NOTICES

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT
## TENDER NOTICE No. 4/1979
### SUPPLYING OF FIRE BOOTS SHOES AND OTHER STORES

1. TENDERS will be received by Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officers, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. on Thursday 20th. December, 1979 for the supply of Fire Boots, Shoes and other Stores as follows: —

a. Boots Firemen Safety Leather top moulded sole 14" high approximately 200 pairs
price .................. per pair.

b. Safety Shoes Black Moulded Oil Resistant approximately 400 pairs
price .................. per pair.

c. Shoes Rubber White approximately 400 pairs
price .................. per pair.

d. Socks white, W/stripped colour approximately 400 pairs
price .................. per pair.

e. Short pant white u/wear approximately 400 pairs
price .................. per pair.

f. Singlet (Vast Cotton White) round neck approximately 800 nos.
price .................. per no.

2. Details of the above items and specifications should state clearly the make and brand of each item.

3. Tenderer should send a sample of each item to the Fire Brigade Department Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelope and "Supplying Fire Boots, Shoes and other stores. The name of the tenderer must not appear on the envelope.

5. Tenders received after the abovementioned time will be rejected.

6. The cover must be addressed to the Chairman Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

7. The lowest or any tenders will not necessarily be accepted.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### SERIAL No. 57(AC)79
### AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 noon Tuesday 11th December, 1979 for the: —

AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR TELEPHONE EXCHANGE, TUTONG AND MUARA

2. Tender received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Telephone Exchange, Tutong and Muara'.
4. The Form of Tender including specification, drawings details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit is $200.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 65(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' & 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 18th December, 1979 for the following: —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 BLOCKS 12 UNITS FLATS AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked: —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 BLOCK 12 UNITS FLATS AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN".

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from registered Air-Conditioning Class B Contractors and above by the Chairman of The Tenders Boards, at office of The State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up until noon on Tuesday 18th December 1979 for:

ARMY WORK SERIA — AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR JRC.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to The Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

ARMY WORK SERIA — AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR JRC.

5. Tenders Documents may be obtained from the offices of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, from Wednesday 28th November, 1979, during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00 in the form of a bank draft, made out in favour of the Brunei Government, and will be refunded to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the from provided with the tender documents.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.



YANG Teramat Berhormat sedang menyampaikan sijil kapada penuntut terbaik dalam Bahagian Kursus A, Dayang Zaleha bte Juned.

# TUGAS SA-ORANG GURU PERLUKAN KESABARAN DAN DIDEKASI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa menekankan bahawa tugas sa-orang guru yang benar2 bertanggong-jawab ada-lah memerlukan kesabaran, timbang rasa, simpati dan didekasi disamping ia-nya juga memerlukan bakat dan kebolehan dalam menyalorkan dan menyampaikan pengajaran kapada murid2 dan orang2 yang di-ajar.

Kata-nya sa-orang guru itu juga mustahak mempunyai kesedaran dan tanggong-jawab sa-bagai pendidek dan pengasoh dari segi moral dan ahlak lebeh2 lagi sa-bagai Guru Ugama, yang menjadi lambang keperibadian yang ideal di-sisi masharakat.

Beruchap sa-jurus sa-belum menyampaikan sijil2 kapada lepasan penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah di-adakan di-dewan maktab tersebut pada hari Khamis yang baru lalu, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa seterus-nya menekankan bahawa tugas sa-bagai sa-orang guru bukan-lah tugas yang boleh di-kerjakan oleh semua orang bahkan tugas guru ada-lah khusus, sesuatu profession yang menghendaki ilmu pengetahuan dan pengalaman serta kemahiran di-dalam pendidekan dan perguruan.

Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja menambah kata bahawa peranan guru dalam sa-buah masharakat amat-lah penting terutama di-kalangan masharakat kampong2 dan dipendalaman kerana mereka ada-lah menjadi satu tenaga penggerak ka-arah perkara2 yang berkebajikan dan juga tempat orang meminta buah fikiran dan nasehat.

Dan peranan saperti ini lebeh berat lagi di-pikul oleh guru2 ugama kerana di-samping Imam masjid, mereka-lah menjadi tempat sandaran dalam memimpin satu2 majlis atau suka duka yang berchorak keugamaan saperti Membacha Doa dan menyibarkan ilmu pengetahuan ugama serta shi'ar Islam dalam satu2 kampong, ujar Yang Teramat Berhormat.

Sesuai dengan kedudokan Negeri Brunei Darussalam sa-bagai sa-buah negeri Islam yang menganunkan Ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negeri ini dalam perlembagaan, maka pembentokan peribadi murid2 dan penuntut2 sekolah ada-lah lebeh banyak terletak di-tangan guru2 khas-nya guru2 ugama, jelas Yang Teramat Berhormat itu lagi.

"Guru2-lah yang memimpin mereka ka-arah suatu bentok keperibadian dan keolahan serta tingkah laku sa-tiap hari yang bersesuaian dengan kehendak kerasmian Ugama Islam itu", tambah Yang Teramat Berhormat.

Maka dengan chara yang demikian, jelas yang Teramat Berhormat Pehin Isa, ugama Islam yang di-kanunkan itu akan benar2 terlaksana dan masharakat Brunei akan benar2 mencherminkan satu chorak masharakat yang bersatu-padu yang berjalan di-landasan Ugama Islam yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa juga telah menyeru kapada guru2 ugama supaya bersedia pada memenohi akan tanggong-jawab mereka kapada masharakat dengan sunggoh2 dan dengan penoh kejujoran semata-mata kerana Allah jua, dibawah kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerajaan Baginda.

Dalam uchapan alu2an, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain bin Haji Serudin menegaskan guru ugama yang berjaya dan di-galati oleh masharakat pada lazim-nya bukan-lah kerana tinggi akademik-nya, bukan-lah kerana terlalu luas ilmu pengetahuan-nya akan tetapi guru ugama yang berjaya di-galati ada-lah berpokok pangkal dari akhlak dan peribadi guru itu sendiri.

Kerana itu, tambah Yang Berhormat sa-tiap guru yang ingin berjaya dalam menyampaikan tugas dan tanggong-jawab mereka ada-lah perlu bagi mereka untok menjadikan diri mereka "guru yang di-galati" dan kegalatan itu pada lazim-nya timbul daripada akhlak dan peribadi yang terpuji guru2 itu sendiri.

"Dalam membentok dan mendidek murid2 maka di-dapati akhlak dan peribadi guru sendiri akan lebeh berkesan dan lebeh berpengaroh kapada murid2 daripada kata nasehat yang di-uchapkan dan tidak di-amalkan oleh guru2 itu sendiri", jelas Yang Berhormat.

Sa-ramai 89 orang guru ugama yang telah menamatkan kursus mereka di-maktab tersebut telah menerima sijil yang terdiri dari sa-ramai 74 orang dalam bahagian kursus A dan B dan sa-lebeh-nya 15 orang mengikuti kursus Lanjutan Ilmu Fiqeh.

Majlis penyampaian sijil di-hari tersebut ada-lah merupakan kali kelima ia-nya di-adakan dan hingga sa-takat ini Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah berjaya melahirkan guru2 ugama yang terlateh sa-jumlah 365 orang sejak maktab tersebut memulakan kursus-nya awal tahun 1972.

Dua orang penuntut telah di-pileh sa-bagai pelajar terbaik. Mereka ia-lah Dy Zaleha bte Juned dalam bahagian kursus A dan Dy Halimah bte Haji Menudin dalam bahagian kursus B. Kedua2 penuntut tersebut mengikuti kursus perguruan dari tahun 1976 — 1979.

# Pameran Feshen Pakaian dan hasil kerjatangan wanita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin telah berangkat untok merasmikan Pameran Feshen Pakaian Wanita Islam dan Hasil Kerja Tangan Wanita yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Ahad yang baru lalu.

Pameran yang di-anjorkan bersama oleh Persatuan Kumpolan Perempuan Brunei dan Persatuan Pertiwi itu ada-lah merupakan achara sambutan sempena Tahun Hijrah 1400.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah di-sambut oleh pemimpin2 WI dan Pemimpin Pertiwi yang kemudian-nya majlis di-mulakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran oleh Dayang Hajjah Masni bte Haji Abdi Manaf, johan qariah sa-negeri 1979 dan di-ikuti dengan sembah uchapan alu2an oleh Pengerusi Pameran2 Datin Hajjah Zahadrah bte Haji Idris.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah bersabda bagi menandakan perasmian pameran pagi itu yang kemudian-nya majlis di-akhiri dengan bachaan do'a Selamat oleh Datin Hajjah Kamilah bte Haji Fadzullah Suhaimi.

Sa-lepas upachara perasmian, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna kemudian-nya telah di-junjong untok menyaksikan pameran itu yang di-iringi oleh Pengerusi pameran, Datin Hajjah Zaharah.

Bagi pameran Feshen Pakaian Wanita Islam lebeh daripada 100 helai feshen pakaian telah di-pamerkan antara-nya termasok-lah pakaian pramugari, jururawat, kastam, pakaian wanita umom serta telekong sementara bahagian pameran hasil kerja tangan wanita pula mengandongi pameran termasok-lah anyaman, sulaman dan kaitan, gubahan daripada barang kering, bunga telor sagangsa dan perhiasan dinding saperti Acha dan takatan.

Majlis pada pagi itu juga telah di-serikan dengan persembahan nashid dari Kumpolan Nashid Perempuan Perangkap dan satu sharahan khas mengenai Hijrah juga telah di-sampaikan oleh Dayang Norazinah bte Mohd Tahir ia-itu sa-orang pensharah di-Sekolah Menengah Arab.

Turut berangkat ka-pameran itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah.

Pameran tersebut juga telah di-hadhiri oleh isteri Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Dimuliakan Dayang Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah serta jemputan2 khas yang lain.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna (kanan) ketika menyaksikan sa-bahagian dari hasil kerjatangan yang di-pamerkan pada hari itu.

# Piala Borneo di-Kota Kinabalu

KOTA KINABALU. — Pasokan Bolasepak Kebangsaan Brunei akan bertemu dengan pasokan Sarawak pada 30hb Nobember, 1979 ini bagi merebut kejohanan Piala Borneo yang di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Pada 1hb Disember, 1979 pula pasokan yang kalah dalam perlawanan pada 30hb Nobember, 1979 ia-itu di-antara pasokan Sarawak dengan Brunei, akan berjumpa dengan pasokan Sabah.

Kemudian pada 2hb Disember, 1979, ia-itu merupakan kemunchak perlawanan bagi menentukan siapa yang akan menjadi juara Piala Borneo nanti, di-antara Sabah dengan pemenang dalam perlawanan 1hb Disember.

Kesemua perlawanan Piala Borneo itu akan di-langsongkan di-Stadium Likas di-sini.

Peminat2 bolasepak di-tanah ayer akan dapat mengikuti perlawanan melalui Radio Brunei yang akan membuat liputan sa-chara langsong ketiga2 hari tersebut.



PEGUAM NEGARA, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas telah melakukan pra-tunton dan seterus-nya menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 Peraduan Tulisan Jawi pada hari Sabtu lalu.

Pameran Tulis Jawi itu sekarang di-adakan di-Muzium Brunei di-Kota Batu. Pameran tersebut ada-lah sa-bagai salah satu achara dalam sambutan memperingati kedatangan tahun Hijrah 1400.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.